



BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG
BHEUU

Laporan Tahunan
2016

KANDUNGAN

- 03 Perutusan Menteri**
- 05 Perutusan Ketua Pengarah**
- 07 Senarai Agensi**
- 08 Pengurusan Tertinggi Bersama YB. Menteri**
- 09 Pengurusan BHEUU**
- 10 Sejarah**
- 12 Fungsi, Visi, Misi,**
- 13 Objektif, Piagam Pelangan**
- 14 Carta Organisasi**
- 15 Seksyen Pembangunan**
- 29 Seksyen Dasar**
- 52 Seksyen Pengurusan Maklumat**
- 68 Seksyen Kewangan**
- 69 Seksyen Pengurusan Sumber Manusia**
- 79 Unit Komunikasi Korporat**
- 82 Kelab Sukan & Kebajikan (KSK)**
- 90 PUSPANITA Cawangan Kecil BHEUU**
- 98 Mdl**
- 145 JBG**

**PERUTUSAN MENTERI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**



**YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID
MENTERI**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Syabas diucapkan kepada Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri di atas usaha menerbitkan Buku Laporan Tahunan BHEUU 2016. Ini merupakan satu usaha perencanaan yang baik bukan sahaja untuk masa kini tetapi juga sebagai rujukan pada masa akan datang.

Antara pencapaian bagi tahun 2016 adalah kejayaan Kerajaan mewujudkan Mahkamah Siber bagi membicarakan kesalahan jenayah di bawah Undang-undang Siber susulan daripada trend serangan siber yang semakin membimbangkan.

Sebagai badan penyelaras penggubalan dasar dan undang-undang, saya yakin BHEUU akan terus berperanan memperkasa sistem pentadbiran keadilan negara.

Komitmen yang tinggi dalam melaksanakan tugas oleh semua warga BHEUU, Jabatan Bantuan Guaman (JBG) dan Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl) diharap akan dapat memenuhi hasrat pemimpin negara dan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

Saya percaya maklumat yang diberi melalui penerbitan Laporan Tahunan BHEUU ini dapat memberi manfaat kepada kita semua dan memenuhi kehendak semasa.

Selamat Maju Jaya.



(DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID)

**PERUTUSAN KETUA PENGARAH
BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG
JABATAN PERDANA MENTERI**



**YBHGS. DATUK JALIL BIN MARZUKI
KETUA PENGARAH**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izinNya serta berkat kerjasama semua warga Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl) dan Jabatan Bantuan Guaman (JBG) berhasil menerbitkan Buku Laporan Tahunan BHEUU 2016. Buku yang memaparkan aktiviti BHEUU, Mdl dan JBG bagi tahun 2016 dapat dijadikan bahan pengetahuan kepada kita semua.

Syabas dan tahniah kepada sidang pengarang yang terdiri daripada pegawai-pegawai BHEUU, Mdl dan JBG yang telah berusaha gigih menyumbang idea, tenaga dan masa dalam penerbitan buku laporan tahunan ini. Pengembangan usaha dan kerjasama yang dipupuk harus diteruskan dalam segala aspek tugas dalam memartabatkan perkhidmatan awam.

Saya berharap usaha-usaha kerja berpasukan sesama warga BHEUU, Mdl dan JBG dapat diteruskan dari semasa ke semasa bagi menggapai kecemerlangan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan. Semoga kita bersama-sama menjadi warga kerja yang berdaya saing, berintegriti dan berpengetahuan luas untuk terus maju.

Selamat berbakti kepada organisasi dan negara. Mudah-mudahan sumbangan kita semua diterima sebagai amal jariah jua.

Sekian, terima kasih.



(DATUK JALIL BIN MARZUKI)

SENARAI AGENSI DI BAWAH PORTFOLIO MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

- 1. BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG (BHEUU)**
- 2. JABATAN INSOLVENSI MALAYSIA (Mdi)**
- 3. JABATAN BANTUAN GUAMAN (JBG)**
- 4. PEJABAT KETUA PENDAFTAR MAHKAMAH PERSEKUTUAN**
- 5. PARLIMEN MALAYSIA**
- 6. BIRO TATANEGARA**
- 7. LEMBAGA PENASIHAT**
- 8. BAHAGIAN PERLINDUNGAN, JABATAN PERDANA MENTERI**
- 9. SURUHANJAYA PELANTIKAN KEHAKIMAN (SPK)**
- 10. SURUHANJAYA PERKHIDMATAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN (SPKP)**
- 11. INSTITUSI LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN (ILKAP)**
- 12. PUSAT TIMBANG TARA SERANTAU KUALA LUMPUR (KLRCA)**
- 13. YAYASAN BANTUAN GUAMAN KEBANGSAAN (YBGK)**

PENGURUSAN TERTINGGI BHEUU BERSAMA MENTERI



YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
MULAI 28.5.2013 HINGGA 27.6.2016



YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
MULAI 28.6.2016



YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM
TIM. MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
MULAI 28.6.2016



YBHG. DATUK MOHD ZUKI BIN ALI
KETUA PENGARAH
BAHAGIAN HAL EHWAH UNDANG-UNDANG
MULAI 17.8.2015 HINGGA 12.8.2016



YBHG. DATUK JALIL BIN MARZUKI
KETUA PENGARAH
BAHAGIAN HAL EHWAH UNDANG-UNDANG
MULAI 13.8.2016



YBRS. PUAN HASLINA BINTI MANSOR
KETUA PENGARAH
JABATAN INSOLVENSI MALAYSIA
MULAI 15.1.2014 HINGGA 31.3.2016



YBHG. DATUK ABDUL RAHKAMN PUTRA
BIN DATO' HAJI TAHA
KETUA PENGARAH
JABATAN INSOLVENSI MALAYSIA
MULAI 1.4.2016



YBHG. DATO' HAINI BINTI HASSAN
KETUA PENGARAH
JABATAN BANTUAN GUAMAN
MULAI 16.11.2015

PENGURUSAN BHEUU



YBHG. DATUK MOHD ZUKI BIN ALI
KETUA PENGARAH BHEUU
(MULAI 17.8.2015 HINGGA 12.8.2016)



YBHG. DATUK JALIL BIN MARZUKI
KETUA PENGARAH BHEUU
(MULAI 13.8.2016)



YBRS. DR. NOR MAZNY BINTI ABDUL MAJID
TIMBALAN KETUA PENGARAH
(DASAR DAN PEMBANGUNAN)
(MULAI 27.4.2015)



ENCIK M KAMROLDIN BIN HITAM
TIMBALAN KETUA PENGARAH (PENGURUSAN)
(MULAI 3.11.2014 HINGGA 5.3.2016)



ENCIK YUSOFF BIN AMAN
TIMBALAN KETUA PENGARAH PENGURUSAN
(MULAI 1.4.2016)



YM TENGKU ADNIN BIN TENGKU ADNAN
PENGARAH SEKSYEN PEMBANGUNAN
(MULAI 1.6.2016)



CIK LAILA KHALIDAH BINTI ISMAIL
PENGARAH SEKSYEN DASAR
(MULAI 10.8.2015)



PUAN SALMIAH BINTI ISMAIL
PENGARAH SEKSYEN PENGURUSAN MAKLUMAT
(MULAI 11.8.2014)



ENCIK AZHAM BIN BACHOK
PENGARAH SEKSYEN KEWANGAN
(MULAI 16.3.2015)



ENCIK RAFDI BIN ABDULLAH
PENGARAH SEKSYEN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
(MULAI 1.9.2015)



PUAN SHAMSIAH BINTI DAUD
KETUA UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
(MULAI 1.5.2014)

SEJARAH BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG,JPM

Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU) telah ditubuhkan pada 8 Mei 1995 selepas pembubaran Kementerian Undang-Undang Malaysia. Pada waktu itu, Bahagian ini terdiri daripada Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan (PKPMP), Biro Bantuan Guaman, Jabatan Pemegang Harta, dan Jabatan Pemegang Amanah dan Pentadbir Pusaka. Bagaimanapun, mulai 1 Ogos 1995, Jabatan Pemegang Amanah dan Pentadbir Pusaka telah diperbadankan dan dikenali sebagai Amanah Raya Berhad. Susulan itu, keseluruhan pentadbiran agensi berkenaan telah terkeluar dari BHEUU melainkan perkara-perkara berkaitan pewartaan para pegawai Amanah Raya bagi tujuan kehadiran di mahkamah.

PKPMP juga berpisah dari pentadbiran BHEUU pada 1 Julai 1996. Walaupun telah berpisah dari BHEUU, Unit Perancangan dan Pembangunan Mahkamah di PKPMP telah menjadi salah satu cawangan utama di BHEUU bermula 16 April 2003.

Jabatan Pemegang Harta kemudiannya telah bertukar nama kepada Jabatan Insolvensi Malaysia (JIM) pada 1 Oktober 2003, berikutan dengan pindaan Akta Kebankrapan 1967. Mulai Oktober tahun 2009, Jabatan Insolvensi Malaysia telah dikenali secara rasminya sebagai *Malaysia Department of Insolvency* (Mdl).

Dalam pada itu, mulai 16 Januari 2010, Biro Bantuan Guaman dikenali sebagai Jabatan Bantuan Guaman (JBG). Sebahagian daripada proses perubahan yang telah diperkenalkan oleh Jabatan ini ialah menghapuskan salah faham masyarakat terhadap Biro Bantuan Guaman yang selalu dirujuk sebagai Biro Pengaduan Awam. Pertukaran nama ini perlu bagi mencerminkan perkembangan dan perluasan JBG di seluruh Malaysia.

BHEUU merupakan sekretariat kepada Mesyuarat Lembaga Pengampunan yang dipengerusikan oleh Yang di-Pertuan Agong untuk kes-kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, serta untuk kes-kes keselamatan di seluruh negara. Bermula tahun 2006, BHEUU juga menjadi agensi yang memantau dan menyelaras urus setia Mesyuarat Lembaga Pengampunan Negeri-Negeri.

Berdasarkan keputusan Kabinet pada 8 April 2004, BHEUU telah mengambil alih peranan sebagai sekretariat kepada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) daripada Kementerian Luar Negeri. BHEUU bertanggungjawab untuk membantu YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri dalam urusan pelantikan Ahli-ahli Suruhanjaya dan mengemukakan laporan maklumbalas kementerian terhadap laporan tahunan SUHAKAM.

Pada masa ini, tanggungjawab BHEUU ke atas JBG dan Mdl merangkumi urusan pengagihan dan pemantauan peruntukan kewangan, pengisian perjawatan , pengurusan perkhidmatan Skim Penolong Pegawai Undang-undang (L29, L32 dan L38), sewaan dan penyelenggaraan ruang pejabat, perolehan bekalan dan perkhidmatan, penyediaan infrastruktur ICT dan pembangunan sistem aplikasi.

FUNGSI BHEUU

1. Menyelaras penggubalan dasar dan undang-undang yang dipertanggungjawabkan kepada BHEUU;
2. Membuat penambahbaikan terhadap sistem pentadbiran keadilan Negara dengan merancang dan melaksanakan projek pembangunan fizikal dan teknologi maklumat mahkamah;
3. Pentadbiran Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258] termasuk pendaftaran dan pemantauan perbadanan-perbadanan pemegang amanah;
4. Urus setia Lembaga Pengampunan oleh Yang di-Pertuan Agong bagi kes-kes keselamatan dan kes-kes rayuan bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan;
5. Pemantauan Mesyuarat Lembaga Pengampunan di setiap Negeri;
6. Urus setia Pelantikan Anggota Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) memantau laporan tahunan SUHAKAM dan menyelaras maklum balas; dan
7. Menyelia sebahagian pentadbiran Jabatan Bantuan Guaman dan Jabatan Insolvensi Malaysia termasuk semua cawangan di seluruh negara, dari segi pengurusan kewangan dan sumber manusia.

VISI

- Penyumbang terulung kepada kecekapan pentadbiran keadilan negara

MISI

- Memperkasakan sistem pentadbiran keadilan negara melalui penyediaan prasarana dan pembaharuan undang-undang.

OBJEKTIF


1. Memastikan pembangunan prasarana mahkamah dan agensi mengikut keperluan *stakeholder* dan pelanggan;
2. Memastikan urusan pemerbadanan yayasan, pengampunan dan pembaharuan undang-undang dilaksanakan secara efektif; dan
3. Memastikan penyediaan perkhidmatan sokongan kepada agensi-agensi secara cepat, tepat dan berintegriti.

PIAGAM PELANGGAN

Kami bertekad & berjanji:

1. Menjawab cadangan, pertanyaan dan aduan pelanggan dalam tempoh 3 hari bekerja daripada tarikh diterima;
2. Mengeluarkan surat pemberitahuan kelulusan awal pemerbadanan yayasan dalam tempoh 21 hari daripada tarikh menerima permohonan lengkap dan memenuhi keperluan Akta 258;
3. Membayar bil dan tuntutan dalam tempoh 14 hari daripada tarikh dokumen lengkap diterima;
4. Mengeluarkan surat setuju terima/ surat niat perolehan dalam tempoh 2 hari bekerja daripada tarikh keputusan Lembaga Perolehan/ Jawatankuasa Sebut Harga; dan
5. Menyediakan perkhidmatan rangkaian dan sistem aplikasi komputer dengan kebolehcapaian tidak kurang 99%.

CARTA ORGANISASI BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG



KEMASKINI PADA 18 OGOS 2016

SEKSYEN PEMBANGUNAN



Merancang dan membangunkan infrastruktur dan prasarana mahkamah serta mencetuskan inisiatif baru bagi penambahbaikan dalam sistem penyampaian pentadbiran kehakiman negara berteraskan kehendak Kerajaan dan keperluan masyarakat.

1. PEMBANGUNAN MAHKAMAH

Pada tahun 2016, Seksyen Pembangunan BHEUU telah meneruskan pelaksanaan projek-projek pembinaan bangunan mahkamah selaras dengan kelulusan yang diterima di bawah *Rolling Plan* ke-Tiga dan ke-Empat (RP3 dan RP4) Rancangan Malaysia ke-Sepuluh (RMK-10).

Seksyen Pembangunan turut melaksanakan urusan perolehan tanah bagi permohonan-permohonan projek baharu di bawah Rancangan Malaysia ke-Sebelas (RMK-11)

Berikut adalah senarai projek mahkamah yang dilaksanakan oleh Seksyen Pembangunan BHEUU bagi tahun 2016:

1.1. PROJEK MAHKAMAH YANG TELAH SIAP DIBINA

1.1.1. Mahkamah Baharu Besut, Terengganu

Projek ini melibatkan pembinaan mahkamah baharu bagi menggantikan mahkamah sedia ada yang sedang beroperasi di bangunan Majlis Daerah Besut. Projek yang bermula pada 12 April 2015 ini mengambil masa selama 19 bulan dan telah siap sepenuhnya pada 17 November 2016.

Majlis Penyerahan telah diadakan pada 8 Disember 2016 melibatkan penyerahan antara tiga (3) agensi yang berkaitan iaitu Jabatan Kerja Raya (JKR) kepada BHEUU dan BHEUU kepada Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan (PKPMP) selaku pengguna akhir bangunan Mahkamah tersebut.

Bangunan baharu ini menempatkan dua (2) bilik bicara iaitu satu (1) Mahkamah Sesyen dan satu (1) Mahkamah Majistret di atas tapak seluas 1.067 ekar di Mukim Pekan Raja, Daerah Besut, Terengganu.



YBhg. Datuk Jalil Marzuki, Ketua Pengarah BHEUU menyampaikan ucapan semasa Majlis Penyerahan bangunan Mahkamah Baharu Besut.



YBhg. Ar. Datuk Dr. Amer Hamzah Mohd Yunus, Timbalan Ketua Pengarah, JKR menyerahkan replika kunci kepada YBhg. Datuk Jalil Marzuki selaku simbolik penyerahan bangunan Mahkamah Baharu Besut.

1.2. PROJEK MAHKAMAH DALAM PEMBINAAN

1.2.1. Kompleks Mahkamah Baharu Kota Kinabalu, Sabah

Kompleks Mahkamah Baharu Kota Kinabalu didirikan di atas tanah seluas 6.25 ekar di Jalan Shariff Osman off Jalan Kolam, Kota Kinabalu, Sabah. Projek yang bermula pada 22 Julai 2014, akan mengambil masa selama 30 bulan dan dijangka siap pada 23 Oktober 2017.

Skop projek melibatkan 16 bilik bicara iaitu satu (1) Mahkamah Persekutuan, tiga (3) Mahkamah Tinggi, enam (6) Mahkamah Sesyen dan enam (6) Mahkamah Majistret.



Cadangan Kompleks Mahkamah Baharu Kota Kinabalu, Sabah.



Kemajuan kerja fizikal di tapak pembinaan Kompleks Mahkamah Baharu Kota Kinabalu, Sabah.

1.2.2. Mahkamah Baharu Tapah, Perak

Bangunan Mahkamah Baharu Tapah dibangunkan di atas tanah seluas 4.9 ekar di Daerah Batang Padang, Tapah, Perak.

Skop projek melibatkan sebuah bangunan dua (2) tingkat yang mempunyai dua (2) bilik bicara iaitu satu (1) Mahkamah Sesyen dan satu (1) Mahkamah Majistret.



Cadangan Mahkamah Baharu Tapah, Perak.



Kemajuan kerja fizikal di tapak pembinaan Mahkamah Baharu Tapah, Perak.

1.2.3. Kompleks Mahkamah Baharu Kota Bharu, Kelantan

Kompleks Mahkamah Baharu Kota Bharu dibina di atas tanah seluas 6.73 ekar di Bandar Baharu Tunjong, Kota Bharu, Kelantan.

Projek ini melibatkan pembinaan mahkamah baharu yang mengandungi tiga belas (13) bilik bicara iaitu tiga (3) Mahkamah Tinggi, lima (5) Mahkamah Sesyen dan lima (5) Mahkamah Majistret.



Cadangan Kompleks Mahkamah Baharu Kota Bharu, Kelantan.



YBhg. Datuk Mohd Zuki Ali, Ketua Pengarah BHEUU bersama pegawai kanan BHEUU dan JKR semasa Majlis Pecah Tanah Kompleks Mahkamah Kota Bharu pada 4 Ogos 2016.

1.2.4. Kompleks Mahkamah Baharu Kangar, Perlis

Pembangunan mahkamah baharu di Kangar, Perlis adalah bagi menggantikan mahkamah sedia ada yang tidak dapat menampung keperluan semasa. Tapak projek ini merupakan bekas tanah sawah seluas sembilan (9) ekar yang terletak di Mukim Seriab, Kangar, Perlis.

Pembinaan Mahkamah Baharu Kangar, Perlis melibatkan pembinaan bangunan baharu tiga (3) tingkat mengandungi lima (5) bilik bicara iaitu satu (1) Mahkamah Tinggi, dua (2) Mahkamah Sesyen dan dua (2) Mahkamah Majistret.



Cadangan Kompleks Mahkamah Baharu Kangar, Perlis.

1.3. PROJEK MAHKAMAH DALAM PERANCANGAN

1.3.1. Mahkamah Baharu Ampang, Selangor

Pada masa ini, Mahkamah Ampang beroperasi dengan menyewa di bangunan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ).

Bangunan baharu akan dibina di Bandar Ampang, Hulu Langat dengan keluasan tanah 2.558 ekar.

Skop projek ini melibatkan pembinaan sebuah bangunan baharu yang mengandungi sepuluh (10) bilik bicara iaitu empat (4) Mahkamah Sesyen dan enam (6) Mahkamah Majistret.



Cadangan Mahkamah Baharu Ampang, Selangor.

2. MEKANISMA PEMANTAUAN PROJEK

2.1. Lawatan Kerja

Pengurusan Tertinggi BHEUU mengambil inisiatif untuk melakukan lawatan kerja secara konsisten ke tapak projek sebagai langkah pemantauan pelaksanaan projek. Butiran lawatan adalah seperti berikut:

TARIKH	PERKARA
24 Februari 2016	Lawatan YBhg. Datuk Yatimah Sarjiman, Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan dan Pembangunan) JPM bersama YBhg. Datuk Mohd Zuki Ali, Ketua Pengarah BHEUU & YBrs. Dr. Nor Mazny, TKP (D&P) BHEUU ke Bangunan Tambahan Kompleks Mahkamah Klang, Selangor
29 Februari 2016	Lawatan YBrs. Dr. Nor Mazny Abdul Majid, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Pembangunan) BHEUU ke Mahkamah Kajang, Selangor
1 Mac 2016	Lawatan YBhg. Datuk Yatimah Sarjiman, Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan dan Pembangunan) JPM bersama YBhg. Datuk Mohd Zuki Ali, Ketua Pengarah BHEUU ke Kompleks Mahkamah Muar, Johor
18 Januari 2016	Lawatan YBrs. Dr. Nor Mazny Abdul Majid, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Pembangunan) BHEUU ke Tapak Projek Mahkamah Baharu Ampang, Selangor
14 Mac 2016	Lawatan YBhg. Datuk Mohd Zuki Ali, Ketua Pengarah BHEUU ke Kompleks Mahkamah Kota Bharu, Tapak Projek Kompleks Mahkamah Baharu Kota Bharu, Kelantan dan Tapak Projek Mahkamah Baharu Besut, Terengganu
21 Mac 2016	Lawatan YBhg. Datuk Mohd Zuki Ali, Ketua Pengarah BHEUU dan YBhg. Dato' Dr. Sallehuddin Ishak, Ketua Pengarah Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) ke Tapak Cadangan Projek Mahkamah Baharu Temerloh, Pahang
16 Mei 2016	Lawatan YBhg. Datuk Mohd Zuki Ali, Ketua Pengarah BHEUU ke Kompleks Mahkamah Baharu Kuantan, Pahang
27 Mei 2016	Lawatan YBhg. Datuk Mohd Zuki Ali, Ketua Pengarah BHEUU ke Tapak Projek Kompleks Mahkamah Baharu Kota Kinabalu, Sabah
13 Jun 2016	Lawatan YBhg. Datuk Mohd Zuki Ali, Ketua Pengarah BHEUU ke Mahkamah Ampang, Selangor dan Tapak Projek Mahkamah Baharu Ampang, Selangor
22 Julai 2016	Kunjungan Hormat YBhg. Datuk Mohd Zuki Ali, Ketua Pengarah BHEUU ke atas YBhg. Dato' Ahmad Zharin Bin Mohd Saad, Datuk Bandar Shah Alam
25 Julai 2016	Lawatan YBhg. Datuk Mohd Zuki Ali, Ketua Pengarah BHEUU ke Kompleks Mahkamah Muar, Johor
4 Ogos 2016	Lawatan YBhg. Datuk Mohd Zuki Ali, Ketua Pengarah BHEUU ke Tapak Projek Kompleks Mahkamah Baharu Kota Bharu, Kelantan

22 September 2016	Lawatan YBhg. Datuk Jalil Marzuki, Ketua Pengarah BHEUU ke Bangunan Tambahan Kompleks Mahkamah Klang, Selangor
20 Oktober 2016	Lawatan Kerja YBhg. Tan Sri Othman Haji Mahmood, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, Jabatan Perdana Menteri dan YBhg. Datuk Jalil Marzuki, Ketua Pengarah BHEUU ke Tapak Projek Kompleks Mahkamah Baharu Kota Kinabalu, Sabah
25 November 2016	Lawatan YBhg. Datuk Jalil Marzuki, Ketua Pengarah BHEUU ke Mahkamah Ampang, Selangor
7 Disember 2016	Lawatan YBhg. Datuk Jalil Marzuki, Ketua Pengarah BHEUU ke Kompleks Mahkamah Baharu Kota Bharu, Kelantan



YBhg. Datuk Mohd. Zuki Ali, Ketua Pengarah BHEUU bersama wakil Mahkamah dan pegawai kanan BHEUU dan PKPMP semasa Lawatan ke Kompleks Mahkamah Kota Bharu (Mahkamah sedia ada) pada 14 Mac 2016.



YBhg. Datuk Mohd. Zuki Ali, Ketua Pengarah BHEUU mendengar penerangan mengenai kemajuan projek Mahkamah Baharu Besut, Terengganu semasa lawatan tapak pada 14 Mac 2016.



YBhg. Datuk Jalil Marzuki, Ketua Pengarah BHEUU mendengar penerangan mengenai kemajuan projek Kompleks Mahkamah Baharu Kota Kinabalu pada 22 September 2016.



YBhg. Datuk Jalil Marzuki, Ketua Pengarah BHEUU mendengar penerangan mengenai kemajuan projek Kompleks Mahkamah Baharu Kota Bharu semasa lawatan tapak pada 7 Disember 2016.

2.2. Mesyuarat

Bagi memastikan setiap projek yang dilaksanakan berjalan dengan lancar dan mengikut perancangan, Seksyen Pembangunan telah mengadakan beberapa siri mesyuarat penting pada tahun 2016 seperti berikut:

BIL.	MESYUARAT	KEKERAPAN	CATATAN
1.	Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan BHEUU	Setiap bulan	Bersama JKR dan PKPMP
2.	Mesyuarat Tapak	Setiap bulan	
3.	Mesyuarat Verifikasi	Mengikut keperluan	
4.	Mesyuarat Semakan Kecacatan	Setiap tiga bulan	
5.	Mesyuarat Penyelaras Projek	Mengikut keperluan	



Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan BHEUU bersama PKPMP dan JKR pada 24 Mei 2016.



Mesyuarat Penyelarasan Rekabentuk Kompleks Mahkamah Baharu Kota Bharu pada 22 Ogos 2016.

3. URUSAN PEROLEHAN TANAH

Urusan perolehan tanah bagi tapak projek pembangunan mahkamah bagi projek baharu Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK 11) yang telah dilaksanakan pada tahun 2016 adalah seperti berikut:

BIL.	PROJEK	STATUS
1.	Mahkamah Baharu Temerloh, Pahang	BHEUU sedang dalam proses untuk mengenalpasti tanah kosong milik jabatan / agensi lain di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) atau Kementerian lain yang bersesuaian di Daerah Temerloh untuk dijadikan tapak Mahkamah Baharu Temerloh.
2.	Mahkamah Baharu Kemaman, Terengganu	Pejabat Tanah Daerah (PTD) Kemaman memaklumkan bahawa Jawatankuasa Tanah Daerah (JTD) Kemaman telah

BIL.	PROJEK	STATUS
		memperakukan permohonan pemberimilikan tanah rizab di Lot 67, Mukim Cukai bagi tapak Mahkamah Kemaman sedia ada.
3.	Kompleks Mahkamah Baharu Johor Bahru, Johor	BHEUU sedang dalam proses untuk mendapatkan ulasan daripada Kementerian Komunikasi dan Multimedia untuk melepaskan sebahagian tanah kosong milik Jabatan Penyiaran Malaysia di Lot 12827, Jalan Abdul Samad, Johor Bahru.
4.	Kompleks Mahkamah Baharu Ipoh, Perak	BHEUU sedang dalam proses untuk mengenalpasti tanah kosong milik jabatan / agensi lain di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) atau Kementerian lain yang bersesuaian di Ipoh, Perak untuk dijadikan tapak Kompleks Mahkamah Baharu Ipoh, Perak.

4. MAKMAL PENGURUSAN NILAI DAN *VALUE ENGINEERING*

4.1. Makmal Pengurusan Nilai

Berdasarkan Pekeliling Unit Perancang Ekonomi (UPE), JPM Bilangan 3 Tahun 2009 berkenaan Garis Panduan Pelaksanaan Pengurusan Nilai (*Value Management*), para enam (6) menggariskan bahawa Pengurusan Nilai perlu dilaksanakan bagi program dan projek yang bernilai RM50 juta dan ke atas.

Dua (2) siri Makmal Pengurusan Nilai telah dianjurkan oleh Seksyen Pembangunan bagi projek seperti berikut:

- a. Kompleks Mahkamah Baharu Kota Bharu, Kelantan diadakan pada 18 hingga 22 Januari 2016 bertempat di Dewan Harmoni, BHEUU; dan
- b. Mahkamah Baharu Ampang, Selangor diadakan pada 29 Februari hingga 4 Mac 2016 bertempat di Dewan Harmoni, BHEUU.



4.2. Makmal Value Engineering

Makmal *Value Engineering* (*VE*) dilaksanakan bagi mengoptimumkan rekabentuk selaras dengan objektif projek, keperluan skop dan fungsi. Ini termasuk untuk mengoptimumkan kos projek bagi menentusahkan jumlah kos projek yang munasabah dan jumlah peruntukan kewangan tambahan yang diperlukan. Makmal *VE* bagi Projek Mahkamah Baharu Ampang, Selangor telah diadakan pada 15 hingga 19 Ogos 2016 bertempat di Ibu Pejabat JKR, Kuala Lumpur.



5. GARIS PANDUAN PEMBANGUNAN FIZIKAL MAHKAMAH

Seksyen Pembangunan, BHEUU telah menerbitkan sebuah Garis Panduan Pembangunan Fizikal Mahkamah (GP Mahkamah) yang akan bertindak sebagai dokumen rujukan kepada pegawai agensi Kerajaan, jurutera serta arkitek yang terlibat secara langsung dalam projek pembangunan Mahkamah.

Pada 16 Januari 2016, YB Hajah Nancy Shukri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri melancarkan GP Mahkamah tersebut dan diedarkan kepada semua pihak-pihak yang berkepentingan.



Garis Panduan yang diterbitkan oleh BHEUU ini diharapkan dapat memudahkan dan mempercepatkan proses perancangan projek pembinaan mahkamah baharu atau naik taraf bangunan mahkamah.



Di sekitar Majlis Pelancaran Garis Panduan Pembangunan Fizikal Mahkamah pada 16 Januari 2016.

SEKSYEN DASAR

1. PEMBANGUNAN PELAN TINDAKAN HAK ASASI MANUSIA KEBANGSAAN (NATIONAL HUMAN RIGHTS ACTION PLAN) / (NHRAP)

1.1 Kunjungan Hormat BHEUU kepada Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan NHRAP

BHEUU selaku *focal agency* pembangunan NHRAP telah melakukan kunjungan hormat kepada Kementerian/ agensi yang mengetuai 5 teras Jawatankuasa Teknikal NHRAP (JKT NHRAP). Usaha ini bermula pada tahun 2015 dan diteruskan pada tahun 2016. YBhg. Datuk Mohd Zuki Ali, Ketua Pengarah BHEUU pada 14 Julai 2016 (Khamis) telah mengadakan kunjungan hormat kepada YBhg. Dato' Azizan Mohamad Sidin, Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan) Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW). KKLW merupakan Pengerusi JKT NHRAP Teras 4 Hak Orang Asal / Asli. Kunjungan hormat tersebut telah membincangkan langkah dan skop yang bersesuaian untuk dimasukkan ke dalam NHRAP khususnya Teras 4.



YBhg. Dato' Azizan Mohamad Sidin, Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan) KKLW (kiri) bersama YBhg. Datuk Mohd Zuki Ali, Ketua Pengarah BHEUU (pada ketika itu).



YBhg. Datuk Mohd Zuki bin Ali, Ketua Pengarah BHEUU, JPM (pada ketika itu) dan YBhg. Dato' Azizan Mohamad Sidin, Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan) dalam sesi perbincangan di KKLW.

1.2 Promosi pembangunan NHRAP

Beberapa aktiviti promosi pembangunan NHRAP telah dilaksanakan pada tahun 2016, antaranya sesi-sesi temu bual di rancangan televisyen dan radio. Antara sesi temu bual yang telah diadakan ialah:

- i. YB Puan Hajah Nancy Shukri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (pada ketika itu) dalam rancangan Selamat Pagi Malaysia di RTM TV2 pada 16 Mac 2016 dan di Bernama Radio (Dalam Radar) pada 21 Mac 2016;



YB Puan Hajah Nancy Shukri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (pada ketika itu) bergambar bersama pengacara selepas temu bual dalam rancangan Selamat Pagi Malaysia.



YB Puan Hajah Nancy Shukri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (pada ketika itu) berkongsi maklumat mengenai pembangunan NHRAP dalam BERNAMA Radio.

- ii. YBhg. Datuk Mohd Zuki Ali, Ketua Pengarah BHEUU (pada ketika itu) di KLfm dengan tajuk “Usaha Kerajaan Dalam Pembangunan NHRAP”; dan



YBhg. Datuk Mohd Zuki Ali, Ketua Pengarah BHEUU (pada ketika itu) menerima temu bual di KLfm.



YBhg. Datuk Mohd Zuki Ali, Ketua Pengarah BHEUU (pada ketika itu) bergambar bersama pegawai BHEUU selepas menerima temu bual di KLfm.

- iii. YBrs. Dr. Nor Mazny Abdul Majid, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar & Pembangunan) di Traxx fm.



YBrs. Dr. Nor Mazny Abdul Majid, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar & Pembangunan) menerima temu bual di Traxx fm.



Sesi bergambar YBrs. Dr. Nor Mazny Abdul Majid, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar & Pembangunan) bersama pegawai-pegawai BHEUU dan *Traxx FM* selepas menerima temu bual di *Traxx fm*.

1.3 Perjumpaan bersama wakil dari *United Nations Office Of The High Commissioner For Human Rights* (UN OHCHR)

BHEUU telah menerima kunjungan hormat daripada wakil *United Nations Office Of The High Commissioner For Human Rights* (UN OHCHR), iaitu Ms. Jennifer Jokstad, Associate Human Rights Officer at the OHCHR's Regional Office for South East Asia in Bangkok dan Ms. Juanita Lourdes Joseph dari UN Resident Coordinator's Office. Sesi tersebut telah dipengerusikan oleh YBrs. Dr. Nor Mazny binti Abdul Majid, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar & Pembangunan).



Sesi bergambar YBrs. Dr. Nor Mazny binti Abdul Majid (ketiga dari kanan) bersama wakil daripada UN OHCHR.

1.4 Kajian Dasar Pembangunan NHRAP

Kajian dasar pembangunan NHRAP telah mula dilaksanakan pada November 2015 dan akan berakhir pada April 2017. Kajian yang mengambil masa selama 18 bulan telah melibatkan semua *stakeholder* pelan tindakan tersebut, antaranya wakil dari Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, akademia, badan bukan Kerajaan (NGO), masyarakat sivil (CSO) dan individu yang berkaitan. Kajian tersebut dilaksanakan melalui lantikan perunding di bawah pemantauan BHEUU dan juga Jawatankuasa Pemantauan yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah BHEUU.

2. LEGAL FORUM 4U & ME BERSAMA INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI

Pada tahun ini, penganjuran program *engagement* di bawah inisiatif *Legal Forum 4U & ME* bersama institusi-institusi pendidikan tinggi telah diteruskan bersama dua buah pusat pengajian tinggi di Malaysia. Objektif program ini adalah untuk menggalakkan penglibatan golongan mahasiswa dan pensyarah undang-undang dalam pembaharuan undang-undang negara yang mampu menjadi wadah bagi generasi muda untuk merangsang dan mengumpul idea, pandangan, maklum balas serta cadangan mengenai skop undang-undang yang dibincangkan. Ini selaras dengan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (*National Blue Ocean Strategy - NBOS*), yang menekankan penganjuran program-program ini secara *smart partnership* dengan institusi-institusi pendidikan tinggi tempatan. Tema dan tajuk-tajuk forum melibatkan undang-undang atau persoalan dasar semasa Kerajaan yang sering menjadi tumpuan masyarakat. Dua (2) program *Legal Forum 4U & ME* dianjurkan bagi tahun 2016 adalah seperti berikut:

2.1 *Legal Forum 4U & ME* Siri 1 bersama Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

Tarikh	:	10 November 2016 (Khamis)
Tempat	:	<i>Moot Court, Kulliyyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, UIAM.</i>
Tema	:	<i>Human Rights Involving Vulnerable Groups</i>
Perasmian oleh	:	YBhg. Datuk Jalil bin Marzuki, Ketua Pengarah BHEUU mewakili YB Dato' Razali bin Ibrahim, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.
Pengisian Program	:	<ul style="list-style-type: none">• Ucaptama bertajuk <i>Human Rights Involving Vulnerable Groups: The International Instruments and Domestic Laws of Malaysia</i> oleh YBrs. Prof. Madya Dr. Nuraisyah Chua Abdullah, Pensyarah Fakulti Undang-Undang, UiTM Shah Alam.• Forum 1 bertajuk <i>Child Sexual Abuse and Exploitation Involving Children in Malaysia</i>

Ahli Panel –

- i. En. Chua Choon Hwa, Timbalan Setiausaha, Bhgn Dasar, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat;
- ii. P/Supt Tan Geok Mooi, Polis Diraja Malaysia;
- iii. Dr. Farah Nini Dato' Haji Dusuki, Pensyarah Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya;
- iv. Cik Sivaselvi Supramaniam, UNICEF; dan
- v. Prof. Madya Dr. Khairil Azmin Mokhtar, Pensyarah Kulliyyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, UIAM (*Moderator*).

- Forum 2 bertajuk *Protection of Elderly and Disabled Persons: Legal and Practical Approach*

Ahli Panel –

- i. Prof. Madya Dr. Khairil Azmin Mokhtar, Pensyarah Kulliyyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, UIAM;
- ii. Prof. Dr. Ruzita Mohd Amin, Amin, *Head of Disability Services Unit*, UIAM;
- iii. Dr. Suhaila Omar, *Consultant Paediatrician*, Hospital Selayang; dan
- iv. Prof. Dr. Hasseeb Abdul Ansari, Pensyarah Kulliyyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, UIAM (*Moderator*).



Ucapan aluan oleh YBhg. Prof. Dato' Sri Dr. Zaleha Kamarudin, Rektor UIAM.



YBhg. Datuk Jalil bin Marzuki, Ketua Pengarah BHEUU menyampaikan ucapan perasmian mewakili YB Dato' Razali bin Ibrahim, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.



Para jemputan dan peserta *Legal Forum 4U & ME*.



Para jemputan dan peserta *Legal Forum 4U & ME*.



Para jemputan dan peserta *Legal Forum 4U & ME*.



Profesor Madya Dr. Nuraisyah Chua Abdullah menyampaikan ucaptama bertajuk “*Human Rights Involving Vulnerable Groups: The International Instruments and Domestic Laws of Malaysia*”.



Forum 1: *Child Sexual Abuse and Exploitation Involving Children in Malaysia*
[Barisan panel dari kiri: Puan Sivaselvi Supramaniam, UNICEF; Encik Chua Choon Hwa, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat; P/Supt Tan Geok Mooi, Maktab Polis Diraja Malaysia; Dr. Farah Nini Dato' Haji Dusuki, Universiti Malaya; and Profesor Madya Dr. Khairil Azmin Mokhtar, UIAM (Moderator)]



Pembentangan oleh Profesor Dr. Ruzita Mohd. Amin, Ketua Unit Perkhidmatan Kurang Upaya, UIAM semasa sesi Forum 2: *Protection of Elderly and Disabled Persons: Legal and Practical Approach*.



Pembentangan oleh Dr. Suhaila Omar, Consultant Paediatrician dari Hospital Selayang semasa sesi Forum 2: *Protection of Elderly and Disabled Persons: Legal and Practical Approach*.

2.2 Legal Forum 4U & ME Siri 1 bersama UNIVERSITI HELP

Tarikh	:	23 November 2016 (Rabu)
Tempat	:	Lecture Theatre, Universiti HELP di Kampus Subang 2
Tema	:	<i>Social Media and the Community</i>
Perasmian oleh	:	YB Dato' Razali bin Ibrahim, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.
Pengisian Program	:	<i>Social Media Talk</i>
		<ul style="list-style-type: none">• Pembentangan 1 bertajuk <i>The Legal Basin of Media Rights (and Responsibilities) for</i>

the Fifth Estate: A Consideration of Established and New Principles oleh Dr Jaspal Kaur, Pensyarah Fakulti Undang-Undang dan Kerajaan, Universiti HELP.

- Pembentangan 2 bertajuk *Revisiting Freedom of Speech in the Social Media Era* oleh Encik Zulkarnain Mohd Yasin, Ketua Pegawai Keselamatan Rangkaian dan Penguatkuasaan, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia.

Moderator - Encik Mark Goh W.S., Pensyarah Fakulti Undang-Undang dan Kerajaan, Universiti HELP.



Kata-kata aluan oleh YBhg. Profesor Datuk Dr. Paul Chan Tuck Hoong, Naib Canselor dan Presiden *HELP University*.



Ucapan Perasmian oleh YB Dato' Razali bin Ibrahim, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.



Para jemputan dan peserta *Legal Forum 4U & ME.*



Sesi bergambar bersama para jemputan dan peserta.



YB Dato' Razali bin Ibrahim melawat pameran oleh pelajar undang-undang *HELP University*.



YB Dato' Razali bin Ibrahim melawat pameran oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia.



Sesi Social Media Talk

[Barisan panel dari kiri: Encik Zulkarnain Mohd Yasin, Ketua Pegawai Keselamatan Rangkaian dan Penguatkuasaan, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia; Encik Mark Goh W.S., Pensyarah Fakulti Undang-Undang dan Kerajaan, *HELP University* (*Moderator*); Dr Jaspal Kaur, Pensyarah Fakulti Undang-Undang dan Kerajaan, *HELP University*]

3. AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010 [AKTA 711]

3.1 Bengkel Akta 711 Tahun 2016

Bengkel Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711] diadakan setiap tahun bagi memberi penerangan dengan lebih jelas mengenai Akta 711. Pengisian Bengkel ini termasuklah menerangkan sejarah, latar belakang dan kepentingan kesemua peruntukan yang terkandung di dalam Akta 711 serta perbincangan kajian kes melalui latihan dalam kumpulan untuk meningkatkan kefahaman berhubung tindakan-tindakan yang perlu diambil dalam memastikan pelaksanaan Akta 711 di peringkat kementerian/jabatan/agensi masing-masing dapat dilaksanakan dengan berkesan. Penganjuran Bengkel ini juga adalah inisiatif untuk menyebarluaskan maklumat dan menerangkan pelaksanaan Akta 711 sama ada di organisasi masing-masing mahupun lain-lain kementerian/jabatan/agensi yang juga dapat mempromosikan Akta 711 kepada orang awam yang berhasrat untuk tampil memberikan maklumat berhubung sebarang aktiviti salah laku.

3.1.1 Bengkel Akta 711 Bil. 1 Tahun 2016

Bengkel Akta 711 Bil. 1 Tahun 2016 telah diadakan pada 29 Mac 2016 (Selasa) di Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP), Bangi. Bengkel tersebut telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Mohd Zuki bin Ali, Ketua Pengarah BHEUU, Jabatan Perdana Menteri. Bengkel yang berlangsung selama selama 1 hari itu dihadiri oleh seramai 72 orang daripada 8 agensi penguatkuasaan utama yang melaksanakan Akta 711, Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan, serta kementerian/jabatan/agensi persekutuan.



YBhg. Datuk Zuki bin Ali, Ketua Pengarah BHEUU bersama panel penceramah dan peserta Bengkel Akta 711 Bil. 1 Tahun 2016 yang turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Umar Saifuddin Jaafar, Ketua Pengarah ILKAP.



Latihan Dalam Kumpulan: Peserta-Peserta Bengkel Akta 711 Bil. 1 Tahun 2016 semasa perbincangan kajian kes.

3.1.2 Bengkel Akta 711 Bil. 2 Tahun 2016

Bengkel Akta 711 Bil. 2 Tahun 2016 diadakan pada 7 September 2016 di BHEUU. Bengkel tersebut telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Jalil bin Marzuki, Ketua Pengarah BHEUU. Bengkel yang berlangsung selama 1 hari itu dihadiri oleh seramai 63 orang pegawai-pegawai daripada agensi penguatkuasaan dibawah pemantauan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan termasuk 8 agensi penguatkuasaan utama sedia ada.



YBhg. Datuk Jalil bin Marzuki, Ketua Pengarah BHEUU merasmikan Bengkel Akta 711 Bil. 2 Tahun 2016.



YBhg. Datuk Jalil bin Marzuki, Ketua Pengarah BHEUU bersama pegawai-pegawai kanan BHEUU, panel penceramah, peserta dan barisan urus setia.



Latihan Dalam Kumpulan: Sesi pembentangan kajian kes.

3.2 Seminar Perbandingan Antara Akta Perlindungan Saksi 2009 [Akta 696] dan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 Tahun 2016 [Akta 711]

Seminar Perbandingan Antara Akta Perlindungan Saksi 2009 [Akta 696] dan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711] telah diadakan pada 6 Disember 2016 (Selasa) bertempat di Dewan Harmoni, BHEUU. Seminar ini dirasmikan oleh YBhg. Datuk Jalil bin Marzuki, Ketua Pengarah BHEUU dan penutupan seminar pula telah disempurnakan oleh YB Dato' Razali bin Ibrahim, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Ini merupakan penganjuran kali kedua pada tahun 2016 dan telah memperluaskan sasaran peserta yang terlibat. Seramai 230 orang peserta terdiri daripada agensi-agensi penguatkuasaan utama yang melaksanakan Akta 711, Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan

dan agensi-agensi di bawah pemantauannya, agensi di peringkat Kerajaan Persekutuan dan Negeri serta badan Kerajaan dan berkanun menyertai seminar ini.

Objektif penganjuran seminar ini bertujuan untuk memperjelaskan kekeliruan berhubung fungsi, pemakaian dan pelaksanaan kedua-dua buah Akta 696 dan Akta 711. Akta 696 dan Akta 711 kedua-duanya memperuntukkan perlindungan kepada mereka yang tampil memberi maklumat berkaitan apa-apa kejadian dan/atau perlakuan jenayah dan salah laku sama ada sebagai pemberi maklumat atau sebagai saksi. Namun, jenis perlindungan dan mekanisme pemberian perlindungan antara kedua-duanya adalah berbeza. Melalui seminar ini peserta telah diberi penerangan mengenai peruntukan-peruntukan khusus di dalam Akta 696 dan Akta 711, jenis perlindungan yang diberikan dan mekanisme pelaksanaan yang terbabit, serta perbezaan kedua-dua akta.



Dari kiri YBhg. Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha, YBhg. Datuk Jalil bin Marzuki dan YBhg. Datuk Haini binti Hassan semasa sesi perasmian seminar.



Barisan ahli panel (dari kiri): Puan Shuhairoz binti Mohamed Shukeri, Bahagian Penyelarasan & Pemantauan NKRA Membanteras Rasuah (*Moderator*); Puan Nor Fadhilah binti Ahmad, Penasihat Undang-Undang BHEUU; dan Puan Asmah binti Azhari, Pendaftar Bahagian Perlindungan, Jabatan Perdana Menteri.



YB Dato' Razali bin Ibrahim, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bersama peserta seminar.

3.3 AKTA PEMEGANG AMANAH (PEMERBADANAN) 1952 [AKTA 258]

BHEUU merupakan pentadbir bagi Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258]. Sepanjang tahun 2016, sebanyak 21 yayasan telah berjaya diperbadankan menjadikan jumlah yayasan yang diperbadankan di bawah Akta 258 ialah 389 buah yayasan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 22 buah yayasan telah dibubarkan manakala jumlah yayasan aktif adalah sebanyak 367.

Bagi penambahbaikan penyampaian khidmat pelanggan, urusan konsultasi berhubung pemerbadanan pemegang amanah (pendaftaran yayasan) di bawah Akta 258 telah diadakan di Bilik Konsultasi Aras Lobi.



Sesi perbincangan penyediaan Garis Panduan Pemerbadanan Pemegang Amanah bagi memastikan pelaksanaan Akta 258 yang diadakan di Bilik Konsultasi.

4. LEMBAGA PENGAMPUNAN

4.1 Mesyuarat Penyelarasan Urus Setia Lembaga Pengampunan Negeri-Negeri Bil. 1 Tahun 2016

Mesyuarat Penyelarasan Urus Setia Lembaga Pengampunan Negeri-negeri Bil. 1 Tahun 2016 diadakan pada 4 Mei 2016 (Rabu) di Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. Secara keseluruhannya, mesyuarat berkala dua kali setahun ini membincangkan isu-isu berkenaan Lembaga Pengampunan Negeri.



YBhg. Datuk Mohd Zuki bin Ali, Ketua Pengarah BHEUU (pada ketika itu) bergambar bersama ahli mesyuarat.

4.2 Mesyuarat Penyelarasan Urus Setia Lembaga Pengampunan Negeri-Negeri Bil. 2 Tahun 2016

Mesyuarat Penyelarasan Urus Setia Lembaga Pengampunan Negeri-negeri Bil. 2 Tahun 2016 pula telah diadakan pada 27 Oktober 2016 (Khamis) di Pulau Pinang. Mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Jalil bin Marzuki, Ketua Pengarah BHEUU, JPM yang baru. Delegasi mesyuarat turut mengikuti lawatan ke Penjara Seberang Perai, Pulau Pinang sejurus selepas mesyuarat berakhir.



YBhg. Datuk Jalil bin Marzuki, Ketua Pengarah BHEUU bersama ahli mesyuarat.



YBhg. Datuk Jalil bin Marzuki, Ketua Pengarah BHEUU bersama ahli mesyuarat semasa sesi lawatan ke Penjara Seberang Perai.

SEKSYEN PENGURUSAN MAKLUMAT

1. PELAN STRATEGIK ICT (PSICT) 2016-2020

Pelan Strategik ICT (PSICT) BHEUU merupakan dokumen yang mengandungi pelan induk perancangan projek ICT di BHEUU, Mdl, JBG dan PKPMP (Bajet Pembangunan) secara menyeluruh sejajar dengan Pelan Strategik BHEUU dari tahun 2016 hingga 2020. Pelan ini akan dirujuk sebagai asas pelaksanaan bagi projek ICT dalam tempoh tersebut.


Pelan P S I C T ini mengandungi 11 strategi dan 28 program ICT yang akan dilaksanakan sepanjang tempoh lima tahun. Perkara-perkara yang terkandung dalam rangka kerja ini diterjemahkan secara lebih terperinci melalui empat strategik pelaksanaan iaitu strategik aplikasi, infrastruktur ICT, organisasi dan pengurusan ICT.



Visi dan Misi ICT




Penjajaran Teras Strategik Bisnes BHEUU dengan Strategik ICT BHEUU.



Teras Strategik ICT

Perubahan kepada persekitaran dan penajaran kepada inisiatif strategik membolehkan PSICT dilaksanakan bagi memastikan pelan strategik dapat disesuaikan mengikut perubahan semasa. PSICT BHEUU 2016-2020 boleh diubahsuai bagi memaksimumkan kepuasan pelanggan seterusnya memastikan BHEUU menuju ke arah visi Kerajaan Digital seperti yang dinyatakan di dalam PSICT Sektor Awam 2016-2020.



Rangka Kerja Strategik ICT Sektor Awam 2016-2020

Rangka Kerja Strategik ICT Sektor Awam 2016-2020.

2. PEMBANGUNAN SISTEM APLIKASI / PORTAL


Beberapa sistem aplikasi dan juga portal telah dilaksanakan (*go live*) sepanjang tahun 2016. Senarai sistem aplikasi adalah seperti berikut:

- i. Portal Rasmi Baharu BHEUU;
- ii. Sistem Urusan Parlimen;
- iii. Sistem Tanggung Kerja ;
- iv. Sistem Log Latihan;
- v. Sistem Direktori Pegawai;
- vi. Sistem Semakan Tender dan Sebut Harga (SiTeS);
- vii. Pembangunan Maklumat Yayasan dan Senarai Laporan Kewangan Sistem eYayasan BHEUU; dan
- viii. Pembangunan fungsi pembayaran melalui FPX Portal e-Insolvensi (Modul Perkhidmatan INSIST).

2.1 Portal Rasmi Baharu BHEUU

Portal rasmi baharu BHEUU telah *go live* pada 11 November 2016.

Portal rasmi BHEUU merupakan satu saluran atas talian dalam menyampaikan maklumat rasmi dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh BHEUU kepada orang ramai. Melalui portal rasmi ini, BHEUU dapat memanfaatkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) ke arah penyaluran maklumat dan menyediakan perkhidmatan yang lebih cekap, cepat dan telus.




Portal rasmi BHEUU boleh dicapai melalui <http://www.bheuu.gov.my/>.

2.2 Sistem Urusan Parlimen

Sistem Urusan Parlimen dilaksanakan mulai 21 Jun 2016. Sistem ini digunakan oleh BHEUU, JBG dan MdI bagi memenuhi objektif seperti berikut :

- i. Mengumpulkan soalan dan jawapan yang diterima oleh BHEUU;
- ii. Membolehkan pegawai merujuk kepada soalan/ jawapan yang pernah ditanya sekiranya berbangkit semula isu yang sama;
- iii. Memudahkan pegawai membuat semakan dan kajian terhadap corak isu yang biasanya diterima oleh jabatan;
- iv. Menjadi dasar kepada pembangunan sistem penyediaan dan penyaluran jawapan parlimen pada masa akan datang;
- v. Mewujudkan satu sistem yg berkesan untuk penyelarasan soalan dan jawapan parlimen; dan
- vi. Membolehkan pihak pengurusan atasan membuat semakan terhadap penyediaan soalan dan jawapan parlimen.





Taklimat Sistem Urusan Parliment (SUP) kepada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). JPN bersetuju menggunakan SUP secara perkongsian pintar dengan BHEUU.

2.3 Sistem Log Latihan

Sistem Log Latihan dilaksanakan mulai 2 Februari 2016.

Sistem Log Latihan ini dibangunkan bertujuan menggantikan penggunaan Buku Log Latihan di BHEUU. Sistem ini menyediakan fungsi pendaftaran kursus/ latihan, sesi pembelajaran kendiri yang telah dihadiri oleh pegawai secara dalam talian.

Sistem ini menjana laporan dan statistik yang tersusun untuk digunakan oleh Unit Latihan, Seksyen Pengurusan Sumber Manusia, BHEUU bagi memantau rekod kursus pegawai selaras dengan tuntutan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 2005 – Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam. Sistem ini turut digunakan oleh JBG dan Mdl.

Sistem Log Latihan boleh dicapai melalui
<http://apps.bheuu.gov.my/elatihan>.

2.4 Sistem Tanggung Kerja

Sistem Tanggung Kerja ini mula dilaksanakan di BHEUU bermula April 2016. Sistem Tanggung Kerja ini berdasarkan Sistem Tanggung yang dibangunkan oleh Jabatan Perdana Menteri. Pembangunan sistem ini telah diubah suai oleh BHEUU mengikut keperluan pengguna di Seksyen Pengurusan Sumber Manusia, BHEUU.

Sistem ini dibangunkan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 2007. Segala proses berkaitan tanggung kerja iaitu permohonan, semakan, sokongan dan kelulusan di laksanakan secara atas talian. Dengan adanya sistem ini, tempoh permohonan dan kelulusan tanggung kerja dapat dipendekkan. Ia juga dapat mengurangkan penggunaan kertas kerana semua dokumen sokongan adalah dalam bentuk *softcopy*. Pengguna sistem ini terdiri dari Seksyen Pengurusan Sumber Manusia BHEUU, JBG dan Mdl.



Sistem Tanggung Kerja boleh di capai melalui
<http://intranet.bheuu.gov.my/TanggungKerja/>.

2.5 Sistem Direktori Pegawai

Sistem Direktori Pegawai baharu ini dibangunkan semula bagi menggantikan Sistem Direktori Pegawai yang tidak mempunyai paparan gambar pegawai. Sistem ini memudahkan orang awam mendapatkan maklumat untuk dihubungi bagi pegawai dan warga BHEUU. Sistem baharu ini dilaksanakan mulai 15 Feb 2016.

A screenshot of the BHEUU Staff Directory portal. The top navigation bar includes links for 'DIREKTORI BAHAGIAN HAL EHWAU UNDANG-UNDANG', 'BAHAGIAN', 'Logout', and 'Paulan'. Below the navigation is a search bar with 'Teruskan' and 'Cari' buttons. A table lists three staff members: 1. YBhg. Datuk Jalil bin Marzuki, Ketua Pengarah, Pejabat Timbalan Ketua Pengarah (Dasar&Pembangunan), BAHAGIAN HAL EHWAU UNDANG-UNDANG, jah@bheuu.gov.my, 03-88851049. 2. Dr. Nor Mazny binti Abdul Majid, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar&Pembangunan) (JUSA/C), Pejabat Timbalan Ketua Pengarah (Dasar&Pembangunan), BAHAGIAN HAL EHWAU UNDANG-UNDANG, mzny@bheuu.gov.my, 03-88851049. 3. Mohd Yusoff bin Aman, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) (M54), Pejabat Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan), BAHAGIAN HAL EHWAU UNDANG-UNDANG, yusoff@bheuu.gov.my, 03-88851049.

Sistem Direktori BHEUU boleh dicapai melalui portal rasmi BHEUU <http://www.bheuu.gov.my/>.

2.6 Sistem Semakan Tender dan Sebut Harga (SiTeS)

SiTes mula dilaksanakan di BHEUU pada 4 April 2016.

SiTeS dibangunkan bagi memudahkan pegawai penyelaras tender dan sebut harga di Seksyen Kewangan BHEUU untuk memantau, mengurus proses sesuatu tender dan sebut harga bermula diiklankan sehingga surat setuju terima dikeluarkan.

Sistem ini juga memudahkan pembekal membuat semakan di atas talian. Status terkini tender dan sebut harga dipaparkan melalui portal BHEUU.



SiTes boleh dicapai melalui
<http://www.bheuu.gov.my/SistemTender/login>.



Paparan tawaran tender dan sebut harga di portal rasmi BHEUU melalui SiTes.

2.7 Pembangunan Maklumat Yayasan dan Senarai Laporan Kewangan Sistem e-Yayasan BHEUU

Sistem e-Yayasan telah dilaksanakan pada tahun 2011. Sistem ini dibangunkan secara dalaman oleh Seksyen Pengurusan Sistem Maklumat BHEUU.

Sistem ini bertujuan mendaftarkan pemegang amanah bagi sesuatu badan/kumpulan orang sebagai suatu pertubuhan pemerbadanan yang ditubuhkan bagi tujuan agama, pendidikan, kesusasteraan, saintifik, khairat/kebajikan atau sosial seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 2, Akta 258.


Beberapa penambahbaikan telah dilakukan pada sistem e-Yayasan pada tahun 2016 iaitu:

i. Maklumat Yayasan

- Menambah ruangan pada permohonan dan kemas kini maklumat yayasan iaitu maklumat penglibatan yayasan dan pendedahan kepada risiko.

ii. Senarai Laporan Kewangan

- Menambah ruangan bulan dan tahun bermula untuk tempoh kewangan yayasan.
- Menambah ruangan amaun.
- Mewujudkan Laporan Kewangan Yayasan mengikut tahun.




Sistem e-Yayasan boleh di capai melalui <http://apps.bheuu.gov.my/eyayasan/2.0.0/>.

2.8 Pembangunan Fungsi Pembayaran Melalui FPX Portal e-Insolvensi (Modul Perkhidmatan INSIST)

Portal e-Insolvensi adalah sistem yang dibangunkan untuk memberikan perkhidmatan Mdl secara atas talian yang merangkumi Notifikasi Awal, Carian Status Kebankrapan dan Penggulungan Syarikat serta Pembayaran Ansuran Bulanan melalui JomPAY dan Interbank GIRO (IBG).

Portal perkhidmatan ini mula beroperasi pada 22 Mei 2015 dengan kadar bayaran RM10.00 bagi setiap carian Status Kebankrapan & Penggulungan Syarikat yang dibuat.

Pada tahun 2016, Seksyen Pengurusan Maklumat, BHEUU telah membangunkan fungsi pembayaran melalui FPX secara ansuran bulanan di Portal e-Insolvensi. Fungsi ini dijangka akan dilaksanakan oleh Mdl pada April 2017.



Portal e-Insolvensi boleh dicapai melalui <https://e-Insolvensi.mdi.gov.my>

Portal ini juga boleh dicapai melalui portal Utama Mdl <http://www.mdi.gov.my> dengan memilih ikon e-Insolvensi pada tab Awam.

3. ICT4U OPEN DAY

Program *ICT4U Open Day* merupakan salah satu program pembudayaan ICT yang dilaksanakan di BHEUU. Objektif utama program adalah untuk mempromosi sistem-sistem yang telah dibangunkan dan juga memaklumkan mengenai perkembangan terkini ICT.



Empat (4) aktiviti telah dilaksanakan sepanjang program *ICT4U Open Day* ini iaitu:

3.1 ICT4U Fun Race

ICT4U Fun Race diadakan pada 29 November 2016 bertempat di Dewan Harmoni dan juga di sekitar Bangunan BHEUU. Pelancaran pertandingan ini disempurnakan oleh YBhg. Datuk Jalil bin Marzuki, Ketua Pengarah BHEUU. Sebanyak 13 kumpulan yang terdiri daripada 7 kumpulan dari BHEUU, 4 kumpulan dari Mdl dan 2 kumpulan dari JBG telah mengambil bahagian di dalam pertandingan ini.



YBhg. Datuk Jalil bin Marzuki, Ketua Pengarah BHEUU merasmikan Program *ICT4U Fun Race*.



Peserta dan Urusetia *ICT4U Fun Race*.

3.2 Ceramah Keselamatan ICT

Ceramah Keselamatan ICT yang bertajuk Jom Klik!..Selamatkah Anda?? telah diadakan pada 30 November 2016 bertempat di Dewan Harmoni Aras 2. Penceramah jemputan adalah Encik Khairul Naim Bin Zainal Abidin yang merupakan Chief Security & Strategy Officer daripada Syarikat Nexagate Sdn Bhd.

Antara pengisian program ceramah ini adalah mengenai perkongsian maklumat peribadi di internet, ancaman semasa (*ransomware*), penggunaan internet seharian dan cara mengawal penggunaan internet di rumah.



Peserta menjawab soalan kuiz melalui aplikasi kahoot!

3.3 Pelancaran Dokumen PSICT, Portal Rasmi BHEUU dan Sistem Dalaman BHEUU

Pelancaran Dokumen PSICT, Portal Rasmi Baharu BHEUU dan Sistem Dalaman BHEUU telah dilaksanakan pada 5 Disember 2016 semasa Perhimpunan Bulanan BHEUU.



Penyerahan Dokumen *PS/ICT* Kepada YBhg. Datuk Jalil bin Marzuki, KP BHEUU, YBhg. Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha, KP Mdl dan YBhg. Datuk Haini binti Hassan, KP JBG.

Portal Rasmi BHEUU yang dilancarkan merupakan portal baharu yang ditambah nilai bagi mematuhi ciri-ciri portal awam terkini dan bagi berkongsi informasi kepada golongan sasaran dengan lebih cepat, tepat dan efektif.

Manakala sistem generik yang telah dibangunkan bagi meningkatkan kecekapan pengurusan dan operasi harian BHEUU seperti Sistem Tanggung Kerja, Sistem Log Latihan, Sistem Pemantauan Kontrak & Perolehan (*Sites*), Data Bank Mahkamah, Direktori dikongsi bersama dengan Mdl dan JBG sebagai NBOS atau perkongsian pintar.

3.4 Pameran *ICT4U*

Pameran ini telah diadakan pada 8 Disember 2016 bertempat di ruang legar Lobi BHEUU. YBhg. Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha, Ketua Pengarah Mdl mengetuai pihak pengurusan tertinggi BHEUU, Mdl dan JBG melawat *booth-booth* pameran ini.

Antara pempamer yang mengambil bahagian adalah :

- i. BHEUU - Klinik Emel, Sistem Dalaman BHEUU,
- ii. Mdl - Klinik Insolvensi
- iii. JBG – Promosi Projek Bank Hujah
- iv. AKRAB BHEUU – Pemeriksaan Kesihatan, Permainan Minda
- v. HRMIS JPA – Promosi Penggunaan Aplikasi Telefon Pintar
- vi. Pusat Pungutan Zakat (PPZ) – Kempen Bayaran Zakat
- vii. Microsoft – Promosi Produk Microsoft
- viii. Webe – Promosi Pelan Webe
- ix. Celcom – Promosi Pelan Celcom
- x. Agile Network – Promosi Produk Antivirus
- xi. JPJ – Kaunter Bergerak JPJ



YBhg. Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha, Ketua Pengarah Mdl melawat *booth* pameran HRMIS.



Pengunjung melawat *booth* pameran.

4. MIGRASI DRC PJ KE DRC BANDAR ENSTEK

BHEUU merupakan antara agensi yang terlibat dengan perkhidmatan GDC-2 (*Goverment Data Center-2*) yang disediakan oleh MAMPU bermula tahun 2014 bagi perkhidmatan Pusat Pemulihan Bencana (*DRC*). Perkhidmatan yang telah dihoskan di *GDC-2* adalah Portal BHEUU dan Portal Mdl. Pada tahun 2016 BHEUU telah menambah satu lagi perkhidmatan iaitu sistem INSIST menjadikan keseluruhan sistem kritikal berjumlah 3 sistem.

Atas perancangan pihak MAMPU, BHEUU dan agensi terlibat perlu memindahkan semua server di *DRC* Petaling Jaya ke *DRC* Bandar Enstek mulai Julai 2016. Sehubungan dengan itu bagi melicinkan proses pemindahan *DRC* ini satu bengkel libat urus anjuran MAMPU telah dihadiri oleh pihak BHEUU bagi tujuan berkongsi perancangan, pengalaman dan mendapatkan maklum balas serta cadangan daripada agensi pengguna perkhidmatan *DRC GDC-2* pada 4 Mei 2016 di Marina Putrajaya.



Konfigurasi di Pusat Data.

Lanjutan daripada program tersebut juga satu perbincangan dan pengesahan maklumat konfigurasi *DRC* baru bagi sistem-sistem terlibat di BHEUU telah diadakan pada 2 Jun 2016. Perbincangan tersebut adalah bertujuan untuk mengenalpasti infrastruktur yang terlibat serta merancang strategi dan jadual perpindahan *DRC PJ* bagi BHEUU ke *DRC Bandar Enstek*. Aktiviti migrasi bagi sistem-sistem tersebut telah bermula pada November 2016 dan pihak MAMPU menjangkakan keseluruhan perpindahan ini selesai pada Januari 2017.

5. PELUPUSAN PERALATAN *ICT* BHEUU

BHEUU telah melaksanakan proses pelupusan peralatan *ICT* sebanyak 237 unit yang terdiri daripada pencetak, komputer desktop, laptop, pelayan, *switch*, mesin pengimbas dan sebagainya yang berusia melebihi 10 tahun. Permohonan tersebut telah diluluskan pada 22 Ogos 2016 dan semua peralatan *ICT* tersebut dilupuskan secara *E-Waste*.



Peralatan *ICT* yang dilupuskan.

6. PENGANJURAN KURSUS ICT

6.1 Kursus *Developing ASP.NET 4.5 MVC Web Applications*

Kursus *Developing ASP.NET 4.5 MVC Web Applications* telah diadakan pada 7-8 November 2016 di Bilik Latihan *ICT*, Aras 4. Seramai 15 orang pegawai *ICT* daripada BHEUU, Mdl dan JBG telah menghadiri kursus ini.

Kursus ini merupakan satu kursus yang memberikan lebih pemahaman serta kemahiran kepada pegawai-pegawai dalam membangunkan aplikasi *ASP.NET MVC* menggunakan teknologi dan *tools .NET Framework 4.5*.



Peserta kursus bersama penceramah kursus Puan Nurullaili binti Ismail.

6.2 Kursus Penyelenggaraan Pencetak

Kursus Penyelenggaraan Pencetak telah diadakan pada 27 Julai 2016 di Bilik Latihan *ICT*, Aras 4.

Kursus penyelenggaraan pencetak merupakan satu kursus yang memberi kefahaman dan kemahiran kepada pegawai-pegawai dalam penyelenggaraan pencetak seperti:

- i. Memberikan pengetahuan tentang teknologi, komponen dan fungsi komponen pencetak;
- ii. Mengenal pasti jenis-jenis kerosakan pada pencetak dan melakukan pembaikan; dan
- iii. Membuka dan memasang semula komponen perkakasan pencetak.



Peserta kursus mengenalpasti kerosakan pada pencetak.

SEKSYEN KEWANGAN

Bajet Mengurus Tahun 2016 yang diluluskan untuk tiga Aktiviti di bawah program BHEUU adalah berjumlah RM125,000,000.00. Perbelanjaan sehingga 31 Disember 2016 adalah RM123,699,277.79 daripada peruntukan dipinda RM121,212,993.66.

Bajet Pembangunan yang diluluskan pada tahun 2015 adalah berjumlah RM58,627,800.00. Jumlah perbelanjaan sebenar adalah RM85,143,317.00 berbanding peruntukan dipinda RM89,501,619.64. Keseluruhan perbelanjaan adalah merangkumi projek fizikal dan bukan fizikal.

Sejumlah 1,468 baucar tuntutan bayaran bernilai RM33,348,052.52 telah diluluskan daripada peruntukan Bajet Mengurus dan Bajet Pembangunan. Semua bil telah diselesaikan dalam tempoh tidak melebihi 14 hari.



SEKSYEN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

1. KEURUSETIAAN

Beberapa Mesyuarat telah diadakan pada tahun 2016 seperti berikut:

- 1.1 Panel Pembangunan Sumber Manusia (Latihan)
- 1.2 Panel Pembangunan Sumber Manusia (Pergerakan Gaji)
- 1.3 Panel Pembangunan Sumber Manusia (APC)
- 1.4 Panel Pencalonan Anugerah Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat BHEUU
- 1.5 Ketua-Ketua Jabatan
- 1.6 Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU)
- 1.7 Majlis Bersama Jabatan (MBJ)
- 1.8 Pengurusan
- 1.9 Lembaga Tatatertib
- 1.10 Jawatankuasa Keselamatan Jabatan
- 1.11 Bersama Polis Bantuan
- 1.12 Pemandu Jabatan dan Pembantu Operasi
- 1.13 Perkhidmatan Kantin dan Katering
- 1.14 Penyelenggaraan Bangunan 3G1 Bersama Pihak Penyelenggara Bangunan (JKR dan JRM)

2. KURSUS DAN LATIHAN

Kerajaan melalui surat edaran Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bertarikh 29 Februari 2016 telah menetapkan bahawa selaras dengan langkah merasionalisasi Perkhidmatan Awam serta mengoptimumkan perbelanjaan agensi-agensi Kerajaan, pelaksanaan dasar berkursus tujuh (7) hari setahun bagi semua anggota Perkhidmatan Awam seperti yang digariskan di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005 “Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam” (PP 6/2005) adalah ditangguhkan. Bagaimanapun, Kursus/ Latihan yang dirancang di bawah Pelan Operasi Latihan 2016 yang telah dipersetujui oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia (Latihan) BHEUU tetap dilaksanakan dan telah mencapai sasaran kehadiran pegawai BHEUU menghadiri sekurang-kurangnya satu (1) hari berkursus. Program Ceramah Keutuhan dan Latihan yang telah diadakan pada tahun 2016 seperti berikut:

BIL	PROGRAM	TARIKH
1.	Demo Sistem Log Latihan Anjuran Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, JPM	19 Januari 2016

BIL	PROGRAM	TARIKH
2.	Bengkel Pemurnian Garis Panduan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)	18 Februari 2016
3.	Kursus Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015	22 Mac 2016
4.	Program Ceramah Keutuhan Bil. 1/2016 (Isu Palestin dan Masjid Al- Aqsa)	30 Mac 2016
5.	Program Ceramah Keutuhan Bil. 2/2016 (Kembara Umrah dan Ziarah Melalui Potongan Gaji)	27 April 2016
6.	Kursus Jati Diri Juru Audit Dalam EKSA	27 – 28 April 2016
7.	Taklimat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016 Rasionalisasi Skim Perkhidmatan Bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan Di Bawah SSM	6 Mei 2016
8.	Kursus Audit Dalam Sistem Pengurusan Kualiti MSIS0 9001: 2008	24 – 25 Mei 2016
9.	Program Ceramah Integriti (Transformasi Diri Lebih Menarik dan Berjaya)	26 Mei 2016
10.	Program Ceramah Keutuhan Bil.3/2016 (Ibrah Perang Badar)	16 Jun 2016
11.	Kursus Penyelenggaraan Pencetak	27 Julai 2016
12.	Kursus <i>Team Up!</i> BHEUU	21 – 23 Oktober 2016

BIL	PROGRAM	TARIKH
13.	Kursus <i>Developing ASP.NET 4.5 MVC Web Applications</i>	7 – 8 November 2016
14.	Kursus Pencegahan Kebakaran dan Keselamatan Awam (Asas) Tahun 2016	21 – 24 November 2016

3. PELAKSANAAN SISTEM MAKLUMAT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA (HRMIS)

3.1 Seksyen Pengurusan Sumber Manusia BHEUU telah memantau pelaksanaan modul-modul HRMIS sehingga Disember 2016. Pencapaian pengemaskinian HRMIS berdasarkan kepada KPI yang telah ditetapkan adalah seperti berikut:

- i. Submodul Rekod Peribadi : 100%
- ii. Submodul Profil Perkhidmatan : 100%
- iii. Submodul Perisyntiharhan Harta : 100%
- iv. Submodul SKT : 100%

4. STATISTIK SUMBER MANUSIA


4.1 Maklumat Perjawatan, Pengisian dan Kekosongan di Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri sehingga 31 Disember 2016 adalah seperti berikut :

BIL	KUMPULAN PERKHIDMATAN	*P	*I	*K
1	Pengurusan Tertinggi	2	2	0
2	Pengurusan dan Profesional	49	46	3
3	Kumpulan Pelaksana (29-40)	42	39	3
4	Kumpulan Pelaksana (19-26)	71	64	7
5	Kumpulan Pelaksana (1-14)	30	30	0
JUMLAH		194	181	13

Nota: *P=Perjawatan, *I=isi, *K=Kosong

4.2 Unit Sumber Manusia juga bertanggungjawab terhadap perkara-perkara berkaitan Perkhidmatan, Tuntutan dan Elaun. Sehingga 31 Disember 2016, jumlah urusan yang diproses adalah seperti berikut :

	BILANGAN
Bayaran Insentif Tugas Kewangan (BITK)	8
Pindah Rumah	29
Perubatan	5
Tambang Mengunjungi Wilayah Asal (TMWA)	90
Cuti Tanpa Gaji	35
Cuti Separuh Gaji	23
Hadiah Latihan Persekutuan (HLP)	5
Tanggung Kerja	299



Carta : Jumlah urusan berkaitan Perkhidmatan, Tuntutan dan Elaun yang diuruskan oleh Unit Sumber Manusia

5. PENGURUSAN PENYEWAAN RUANG PEJABAT DAN RUANG STOR CAWANGAN-CAWANGAN JABATAN BANTUAN GUAMAN (JBG) DAN JABATAN INSOLVENSI MALAYSIA (Mdi), PENGURUSAN PEMBERSIHAN DAN PENCUCIAN RUANG PEJABAT BHEUU DAN CAWANGAN-CAWANGAN Mdi DAN PERKHIDMATAN KONTRAK DI BHEUU

- 5.1 BHEUU telah menguruskan sebanyak 44 kontrak penyewaan ruang pejabat dan ruang stor iaitu 18 kontrak ruang pejabat Mdi, 13 kontrak ruang pejabat JBG dan 13 kontrak ruang stor Mdi mengikut tempoh yang ditetapkan.
- 5.2 Pada tahun 2016, Kontrak Penyewaan Ruang Pejabat di Mdi Miri Tingkat 14 dan stor Negeri Sembilan telah ditamatkan.
- 5.3 BHEUU juga bertanggungjawab menguruskan sebanyak 15 kontrak perkhidmatan pembersihan dan pencucian ruang pejabat di cawangan-cawangan Mdi.
- 5.4 BHEUU turut menyelaras dan memantau kontrak bagi perkhidmatan berikut:
- 5.4.1 Perkhidmatan kantin dan katering di bangunan BHEUU;
 - 5.4.2 Perkhidmatan pembekalan alat pewangi automatik;
 - 5.4.3 Pelantikan syarikat penyewaan mesin *water dispenser* serta mengurus tempahan air minuman *water dispenser* mengikut keperluan;
 - 5.4.4 Penyewaan dan penyelenggaraan pengalas kaki di Bangunan BHEUU;
 - 5.4.5 Penyewaan dan penyelenggaraan pokok bunga hidup hiasan berpasu di Bangunan Hal Ehwal Undang-Undang;
 - 5.4.6 Penyewaan dan penyelenggaraan mesin fotostat dengan Syarikat *Newrise Channel (M) Sdn. Bhd.*;
 - 5.4.7 Sewaan bagi menempatkan struktur pemancar mudah alih di Bangunan Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Lot 3G1, Presint 3, Putrajaya;
 - 5.4.8 Bekalan akhbar tempatan sebagaimana diperuntukkan untuk pegawai-pegawai kanan dan *pool* di seksyen/ unit BHEUU serta menguruskan pembayaran; dan
 - 5.4.9 Pengeposan surat-surat pos biasa dan pos berdaftar serta urusan pembelian setem dan pos berdaftar.

6. PROGRAM INOVASI

6.1. PENGIFTIRAFAN BERKAITAN ISO & INOVASI

6.1.1. Hari Inovasi dan Kecemerlangan Jabatan Perdana Menteri Tahun 2016

Hari Inovasi dan Kecemerlangan Jabatan Perdana Menteri bagi tahun 2016 diadakan pada 1 November 2016 di Dewan Seri Siantan, Kompleks Perbadanan Putrajaya. Majlis ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Sri Hajah Nancy Haji Shukri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Sambutan Hari Inovasi dan Kecemerlangan (HIK) Jabatan Perdana Menteri (JPM) 2016 bertemakan "Unggul Melakar Inovasi". Penganjuran HIK 2016 adalah untuk memberi pengiktirafan kepada Jabatan/ Agensi JPM yang telah menunjukkan pencapaian cemerlang dalam pelbagai bidang sama ada pengurusan, penghayatan dan amalan inovasi, penglibatan aktif dalam bidang sosial serta kecemerlangan dalam aktiviti sukan. Pelbagai aktiviti telah dirancang sebagai pengisian HIK 2016 seperti Bicara Inovasi, Taman Inovasi, Bazar/ Pameran Inovasi serta Kuiz dan Pertunjukan Inovasi.

6.2. LAPORAN PEMBUDAYAAN KREATIVITI DAN INOVASI

6.2.1. KURSUS PENINGKATAN DIRI JURUAUDIT EKSA BHEUU

Kursus Peningkatan Diri Juru Audit EKSA BHEUU telah diadakan di Dewan Harmoni, BHEUU pada 27 dan 28 April 2016. Kursus ini telah dianjurkan oleh Unit Inovasi, BHEUU. Seramai 17 orang Juru Audit EKSA dan ketua-ketua sektor telah menghadiri bengkel ini. Objektif bengkel ini adalah untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan serta memahami Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) di kalangan Juru Audit EKSA dan ketua-ketua sektor BHEUU.



Peserta Kursus Peningkatan Diri Juru Audit EKSA BHEUU bersama penceramah, Encik Harun bin Jantan.

6.2.2. KURSUS JURU AUDIT DALAM MS ISO 9001:2008

Kursus Juru Audit Dalam MS ISO 9001:2008 telah diadakan di Dewan Harmoni, BHEUU pada 24 Mei 2016. Seramai 19 orang peserta terdiri dari Pengurus Dokumen, Penolong Pengurus Dokumen/ Koordinator, Ketua Pasukan Audit Dalam ISO, Timbalan Ketua Pasukan Audit Dalam ISO dan Juruaudit Dalam ISO telah menghadiri bengkel ini. Pemudah cara adalah Puan Sa'adiah Binti Enok dari SIRIM *Training Services* Sdn Bhd. Objektif bengkel ini adalah untuk meningkatkan kefahaman mengenai proses dan prosedur audit dalam serta memberi pendedahan secara komprehensif mengenai amalan dan pengetahuan berhubung Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008.



Peserta Kursus Sistem Pengurusan Kualiti Audit Dalam MS ISO 9001:2008 bersama Penceramah Puan Sa'adiah binti Enok dari SIRIM *Training Services* Sdn. Bhd.

6.2.3. KURSUS SISTEM PENGURUSAN KUALITI BHEUU

Kursus Sistem Pengurusan Kualiti BHEUU telah diadakan di Dewan Harmoni, Aras 2, BHEUU pada 22 Mac 2016. Kursus ini telah dianjurkan oleh Unit Inovasi, BHEUU. Seramai 28 orang peserta yang terdiri dari Pegawai dan kakitangan BHEUU telah menghadiri bengkel ini. Pemudah cara adalah Puan Fauziah Binti Sulaiman dari SIRIM QAS *International* Sdn Bhd. Objektif bengkel ini adalah untuk meningkatkan kefahaman mengenai peranan dan komitmen wakil pengurusan supaya Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO dapat dilaksanakan dan dikekalkan dengan lebih berkesan.



Peserta Kursus Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008 bersama Penceramah Puan Fauziah binti Sulaiman dari SIRIM QAS International Sdn. Bhd

7. HUBUNGAN MAJIKAN – PEKERJA

Majlis Bersama Jabatan telah diadakan sebanyak 4 kali bagi tahun 2016. Sebanyak 2 usul telah dikemukakan untuk tindakan CUEPACS dan 9 usul telah dikemukakan untuk tindakan pihak majikan. Salah satu aktiviti yang telah diadakan atas saranan wakil pekerja adalah Ceramah Isu Semasa Penjawat Awam Bersama CUEPACS pada 29 April 2016 dan Taklimat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016 yang telah diadakan pada 6 Mei 2016.

8. PUSAT SUMBER

- 8.1.** Sepanjang tahun 2016, Pusat Sumber BHEUU telah mengadakan beberapa aktiviti bertujuan membudayakan amalan membaca dan menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat serta cintai ilmu di kalangan warga BHEUU, JBG dan Mdl.
- 8.2.** Aktiviti yang diadakan adalah seperti berikut:

8.1.1. Jaja Buku

Aktiviti ini telah diadakan sebanyak 6 kali setahun dan Jaja Buku ini berkonsepkan perpustakaan bergerak di mana buku-buku akan dibawa oleh staf perpustakaan ke meja staf BHEUU. Warga BHEUU boleh meminjam dan memulangkan buku sewaktu aktiviti ini tanpa perlu datang ke Perpustakaan.

8.1.2. Sehari Bersama BOOK 2U BY KARANGKRAF

Pada 27 September 2016 (Selasa), Pusat Sumber BHEUU telah mengadakan program Sehari Bersama Book2U by Karangkraf. Ini merupakan aktiviti jualan buku dan majalah yang berkonsepkan kedai buku bergerak yang menjual pelbagai genre buku dari Syarikat Penerbitan Grup Karangkraf yang terdiri daripada Alaf 21, Buku Prima, Karya Bistari dan GPS Bestari.



Pengunjung kedai buku bergerak sempena program Sehari Bersama Book2U by Karangkraf.

8.1.3. Kempen Derma Bahan Bacaan: *Take A Break ... Read@ Putrajaya: A Book Alive*

Kempen derma bahan bacaan ilmiah/ buku sempena Program *Take A Break ... Read @ Putrajaya: A Book Alive* peringkat BHEUU telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Mohd Zuki bin Ali, Ketua Pengarah BHEUU pada 15 April 2016 bertempat di Perpustakaan BHEUU. Kempen ini bermula dari 14 April 2016 – 25 Mei 2016 dan telah berjaya mencapai sasaran mengumpul lebih 1000 naskhah pelbagai jenis bahan bacaan.



YBhg. Datuk Mohd Zuki bin Ali, Ketua Pengarah BHEUU melengkapkan gimik sempena pelancaran Kempen Derma Bahan Bacaan: *Take A Break ... Read@ Putrajaya: A Book Alive* di Perpustakaan BHEUU.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Unit Komunikasi Korporat dipertangungjawabkan untuk melaksanakan publisiti, dokumentasi gambar, promosi dan menyebarkan maklumat aktiviti jabatan kepada orang awam.

1. FUNGSI UKK

- 1.1. Merancang dan menyelaras pelan komunikasi, promosi dan publisiti BHEUU agar program dan aktiviti mendapat liputan meluas oleh media massa;
- 1.2. Mengurus dan menyelaras bahan penerbitan BHEUU seperti Laporan Tahunan, dan lain-lain penerbitan bagi tujuan mempromosi jabatan;
- 1.3. Memantau dan menguruskan hal-hal berkaitan dengan pengurusan pelanggan secara profesional dan berwibawa bagi meningkatkan imej korporat;
- 1.4. Menyelaras dan menjawab maklum balas dan aduan dengan cekap dan efisien;
- 1.5. Menyelaras maklumat BHEUU untuk dikemaskini di Portal/Intranet/*i-Board*;
- 1.6. Memastikan aktiviti dan program BHEUU didokumentasikan dalam bentuk video/CD/penulisan/foto.

2. SENARAI AKTIVITI UKK SEPANJANG TAHUN 2016

Bil	Aktiviti	Bulan
1	Penerbitan Buku Laporan Tahunan BHEUU	15 Jun 2016
2	Lawatan Ke Agensi Media (RTM)	16 November 2016
3	Kajian Kepuasan Pelanggan	26 September – 26 Oktober 2016
4	Pertandingan Kuiz Cabaran Bijak Bahasa	24 Oktober 2016
5	Mengemaskini Aktiviti di Portal BHEUU, <i>Facebook</i> , <i>I-board</i> dan Intranet	Sepanjang tahun
6	Perhimpunan Bulanan BHEUU	Setiap bulan
7	Keratan akhbar harian	Setiap hari bekerja
8	Rakaman video aktiviti BHEUU	Sepanjang tahun
9	Mendokumentasikan gambar	Sepanjang tahun
10	Memberi maklum balas untuk aduan dan pertanyaan	Sepanjang tahun

Aktiviti Sepanjang Tahun 2016



Perhimpunan Bulanan Bersama YB Hajah Nancy Haji Shukri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.



Perhimpunan Bulanan BHEUU Bersama YBhg. Datuk Jalil Bin Marzuki, Ketua Pengarah BHEUU, YBhg. Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha, Ketua Pengarah Mdl dan YBhg. Datuk Haini binti Hassan, Ketua Pengarah JBG.



Lawatan Ke RTM.



Kuiz Cabaran Bijak Bahasa Sempena Program Bulan Bahasa Kebangsaan Peringkat BHEUUU.

KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN (KSK BHEUU)

Pengenalan

KSK BHEUU ditubuhkan bagi memberi kemudahan kegiatan bersukan, kebudayaan dan menjaga kebajikan ahli yang berdaftar. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan dapat mengeratkan hubungan ukhuwah dalam kalangan ahli yang terdiri dari kakitangan BHEUU, JBG dan Mdl.

1. Ahli Jawatankuasa Tadbir KSK BHEUU Sesi 2016-2018

Jawatan	Nama
Pengerusi	: YBhg. Datuk Jalil bin Marzuki (mulai September 2016)
	: YBhg. Datuk Mohd Zuki bin Ali (sehingga Ogos 2016)
Timbalan Pengerusi	: YBhg. Dato' Mat Aron bin Deraman
Naib Pengerusi I	: Encik Asri bin Pilus
Naib Pengerusi II	: Cik Laila Khalidah binti Ismail
Setiausaha	: Encik Bahrunnizam bin Abd. Kadir
Pen. Setiausaha	: Puan Nur Hazreen binti Mad Yusop
Bendahari	: Puan Siti Aishah binti Yahaya
Pen. Bendahari	: Puan Zurina binti Yusof
Ketua Biro Sukan	: Encik Mohd Shaihin bin Md. Sarif
Ketua Biro Kebajikan	: Puan Siti Azura binti Ismail
Ketua Biro Agama	: Encik Anas bin Jamaluddin
Ketua Biro Ekonomi	: Encik Raffidi bin Abdullah
Ketua Biro Sosial & Rekreasi	: Puan Shalina binti Ibrahim
Ketua Biro Penerbitan & Publisiti	: Encik Ahmad Fakaruddin bin Wan Mohamed

2. Program dan Aktiviti KSK BHEUU 2015

Aktiviti/Program	Tarikh
Tazkirah Pagi	Setiap pagi (hari bekerja)
Majlis Bacaan Yasin	Jumaat pertama setiap bulan

Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) Kali Ke-28	31 Mac 2016
Menyertai Pertandingan Bola Jaring KESKIP	2-3 April 2016
Jualan Ramadhan KSK	6 – 30 Jun 2016
Program Sumbangan Bubur Lambuk	16 Jun 2016
Pertandingan Suka-Suki Bowling KSK BHEUU 2016	6 Ogos 2016
Program Perpaduan Melalui Derma Darah KSK	11 Ogos 2016
Pertandingan Indoor Games KSK BHEUU 2016	17 – 27 Oktober 2016 (waktu Rehat)
X-Trekking Broga Hill	29 Oktober 2016
Lawatan ke Penjara Wanita Kajang	7 November 2016
Pertandingan Bola Tampar Campuran KSK 2016	12 November 2016
Lawatan ke Kilang Yakult	6 Disember 2016

AKTIVITI KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN



Program Perpaduan Melalui Derma Darah Pada 11 Ogos 2016 Di Dewan Harmoni BHEUU.



KSK BHEUU Xtreking Broga Hill Pada 29 Oktober 2016.





Lawatan Kasih Ke Penjara Wanita Kajang Pada 7 November 2016.



Lawatan Sosio-Edu Ke Kilang Yakult, Seremban pada 6 Disember 2016.



Program sumbangan bubur lambuk pada 16 Jun 2016 di Lobi BHEUU.



Suka Suki Boling Tournament KSK BHEUU pada 6 Ogos 2016 di ARL Bowl Alamanda.



Kejohanan Bola Tampar Campuran KSK BHEUU pada 12 November 2016
di Taman Pancarona, Presint 18, Putrajaya.



Pertandingan Indoor Games KSK BHEUU mulai 17 – 27 Oktober 2016, Bilik KSK BHEUU.





Jualan Ramadhan KSK BHEUU 2016 di Laman Hijau BHEUU.



Aktiviti senamrobik diadakan setiap bulan.



Penerima-penerima sumbangan daripada KSK BHEUU sepanjang tahun 2016.

PUSPANITA Cawangan Kecil BHEUU

1. SENARAI AHLI JAWATANKUASA PADA TAHUN 2016

Jawatan	Nama
Penasihat	YBhg.Datuk Mohd Zuki bin Ali YBhg.Datuk Jalil bin Marzuki (mulai 13 Ogos 2016)
Pengerusi	YBhg. Datin Norizam binti Che Mohd Nor (sehingga 12 Ogos 2016) YBhg. Datin Foziyah binti Nasir (mulai 13 Ogos 2016)
Timbalan Pengerusi I	YBhg. Datin Norhaliza binti Hassan
Timbalan Pengerusi II	Puan Hajah Noor Hadina binti Ahmad Zabidi
Naib Pengerusi I	Puan Saadiah binti Abdul Rani
Naib Pengerusi II	Puan Hadiyatul Hayati binti Khalil
Setiausaha	Puan Marietta Rachel Lukie Cik Norliza binti M Jamil (mulai 20 Jun 2016)
Penolong Setiausaha	Puan Norrita binti Abdullah
Bendahari	Puan Farah Nadilah binti Rahmat
Penolong Bendahari	Puan Siti Azura binti Ismail (sehingga 28 November 2016)
Pemegang Amanah	Cik Noor Hafizah binti Zainal Puan Sadila Suharti binti Abu Salim
Pemeriksa Kira-kira	Puan Zurina binti Yusof Puan Tattyana binti Abdul Ajak
Ketua Biro Keahlian & Kebajikan	Cik Nadia Aimi binti Abdul Wahab
Ketua Biro Agama	Puan Sharifah Fadhilatu Mariam binti Syed Ali
Ketua Biro Sosial & Kebudayaan	Cik Norliza binti M Jamil Puan Shaezliana binti Shaein (mulai 20 Jun 2016)

Jawatan	Nama
Ketua Biro Kesihatan & Sukan	Cik Norazlin binti Kamaruddin Puan Zurina binti Razali (mulai 11 Mac 2016)
Ketua Biro Pendidikan & Pembangunan Keluarga	Puan Norazlina binti Abdul Hamid
Ketua Biro Ekonomi	Puan Zurina binti Razali Puan Fazilah binti Ahmad Ramli (mulai 7 April 2016)
Ketua Biro Perundangan & Kepenggunaan	Puan Raden Lailani binti Raden Othman
Ketua Biro ICT, Penerbitan & Seranta	Puan Sarune Beh
Ketua Biro Pembangunan Alam Bina & Lestari	Puan Nurul Hidayah binti Abdul Karim Puan Roziani binti Baharom (mulai 7 April 2016)

2. Jumlah Keahlian Tahun 2016

Bil.	Jabatan/ Agensi/ Daerah	Jumlah Keahlian
(i)	BHEUU	95
(ii)	Mdl	132
(iii)	JBG	47
Jumlah Keseluruhan		274

3. Aktiviti-aktiviti Sepanjang Tahun 2016

Bil.	Tarikh	Aktiviti
1.	Sepanjang tahun	Pendaftaran Ahli Seumur Hidup PUSPANITA Cawangan Kecil BHEUU

Bil.	Tarikh	Aktiviti
2.	Sepanjang tahun	Hebahan Jualan PUSPANITA Cawangan Kecil BHEUU melalui e-mel dan <i>Facebook</i>
3.	Sepanjang tahun	Pengemaskinian laman web PUSPANITA Cawangan Kecil BHEUU
4.	Januari – Disember (Jumaat Minggu Pertama)	Majlis Bacaan Yasin dan Tahlil/ Doa Selamat
5.	19 Februari dan 20 Mei 2016	Kelas Pengajian Dari Wanita Untuk Wanita “Sejenak Bersama Ustazah Hariati binti Abu Khaer”
6.	2 Mac 2016	<i>Tutorial Shawl</i> oleh Anggun Zara
7.	7 April 2016	Mesyuarat Agung Tahunan PUSPANITA Cawangan Kecil BHEUU Ke-6
8.	April 2016	Pengumpulan dan penerbitan Buku Laporan Tahunan PUSPANITA Cawangan Kecil BHEUU 2015
9.	25 April 2016	Seminar Transformasi Kepimpinan Wanita “Ilmu Pemangkin Generasi Cemerlang”
10.	26 Mei 2016	Ceramah Integriti anjuran BHEUU dengan kerjasama PUSPANITA Cawangan Kecil BHEUU bertajuk “Transformasi Diri Lebih Menarik dan Berjaya”
11.	17 Jun 2016	Solat Sunat Tasbih sempena bulan Ramadan
12.	24 Jun 2016	Penyerahan sumbangan derma kepada Pusat Jagaan Asnaf Murni, Bandar Sri Sendayan, Negeri Sembilan
13.	27 Jun 2016	Menyelaras sumbangan derma PUSPANITA Cawangan Kecil BHEUU kepada PUSPANITA Cawangan Kecil Unit Kawal Selia dan Seranta FELDA, JPM untuk disumbangkan kepada:

Bil.	Tarikh	Aktiviti
		<p>(a) Pusat Jagaan Kanak-kanak Yatim/Miskin Rukaiyah Sg. Merab sebanyak RM 500.00; dan</p> <p>(b) Rumah Amal Anak-anak Yatim, Fakir Miskin dan Mualaf Pusat Pembangunan Al-Hidayah sebanyak RM 500.00.</p>
14.	25 Julai 2016	Pembukaan Gerai Biskut Raya sempena Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri BHEUU Tahun 2016.
15.	8 Ogos 2016	Majlis penghargaan kepada AJK PUSPANITA Cawangan Kecil BHEUU yang bertukar.
16.	29 September 2016	Penyerahan sumbangan cek daripada YB Dato' Sri Hajah Nancy Syukri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri kepada Pusat Jagaan Asnaf Murni, Bandar Sri Sendayan, Negeri Sembilan.
17.	6 Oktober 2016	Forum Anakku Amanahku: "Hadiyah Dari Mama Dan Papa Buat Adik".
18.	27 Oktober 2016	Kursus Pengurusan Jenazah Untuk Muslimah.
19.	Mulai 1 November 2016	Operasi semula Kiosk PUSPANITA Cawangan Kecil BHEUU.
20.	17 November 2016	Lawatan Sambil Belajar ke <i>Skybridge</i> dan <i>Aquaria Kuala Lumpur Convention Centre</i> (KLCC).



**YBhg.Datin Norizam binti Che Mohd Nor bersama Ahli Jawatankuasa Tertinggi
PUSPANITA Cawangan Kecil BHEUUU.**



Majlis bacaan Yasin, tahlil dan doa selamat.



Sesi penerangan teknik pemakaian *shawl* oleh Anggun Zara.



Hasil *tutorial shawl* oleh para peserta.



YBhg. Datin Norizam binti Che Mohd Nor menyampaikan sumbangan derma daripada PUSPANITA Cawangan Kecil BHEUU kepada Puan Rohaya binti Muhammad, Pengurus Pusat Jagaan Asnaf Murni.



Ahli rombongan PUSPANITA Cawangan Kecil BHEUU bersama penghuni Pusat Jagaan Asnaf Murni.



Majlis penghargaan kepada AJK PUSPANITA Cawangan Kecil BHEUU yang bertukar.



Kursus Pengurusan Jenazah Untuk Muslimah.



Lawatan Sambil Belajar ke Skybridge dan Aquaria Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC).



JABATAN INSOLVENSI MALAYSIA (Mdi)

PENGURUSAN TERTINGGI



**Datuk Meor Hashimi Bin
Abdul Hamid**
Timbalan Ketua Pengarah
(Operasi)



**Datuk Abdul Rahman Putra
Bin Dato' Haji Taha**
Ketua Pengarah Insolvensi



Dato' Mat Aron Bin Deraman
Timbalan Ketua Pengarah
(Pengurusan)

PENGARAH BAHAGIAN/KETUA UNIT



Encik Shahrul Rizal Bin Majid
Pengarah Insolvensi
Bahagian Likuidasi



Puan Hasila Bt. Awang
Pengarah Insolvensi
Bahagian Kebankrapan



Encik Syarifuddin Bin Abdul Rasa
Pengarah Insolvensi
Bahagian Penyiasatan Dan
Penguatkuasaan



Encik Mohamad Hafisol Bin
Yusoff
Pengarah Insolvensi
Bahagian Kajian Dan
Penyelidikan Perundangan



Puan Nahra Bt. Dollah
Pengarah Insolvensi
Bahagian Mahkamah



Puan Afroza Banu Bt. Abdul
Halim
Pengarah
Bahagian Khidmat
Pengurusan



Encik Abu Syaiful Kyairi Bin
Abu Hassan
Pengarah
Bahagian Teknologi
Maklumat



Encik Khairil Izwan Bin
Ahmad
Pengarah
Bahagian Perakaunan



Encik Mohd. Zaki Bin Mohd.
Zain
Ketua Unit Penilaian



Puan Nor Azilah Bt. Adnan
Ketua Unit Integriti



Puan Raden Lailani Bt. Raden
Othman
Ketua Unit Komunikasi Korporat

JABATAN INSOLVENSI MALAYSIA

PENGENALAN

Pada tahun 2016, Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdi) telah melancarkan Pelan Strategik Mdi 2016-2020 sebagaimana saranan Perdana Menteri Malaysia, Y.A.B Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, agar Kementerian, Jabatan dan Agensi mewujud dan mendokumenkan Pelan Strategik jangka panjang, sederhana dan pendek,.

Pelan Strategik Mdi 2016-2020 adalah kesinambungan daripada Pelan Strategik Mdi yang terdahulu yang telah diberi penambahbaikan dengan mengambil kira maklum balas daripada semua pihak yang berkepentingan dalam memastikan ianya terus relevan selaras dengan perubahan lanskap global yang semakin mencabar.

Pelan Strategik Mdi 2016-2020 memberi fokus mempertingkatkan produktiviti dan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam selari dengan RMK 11 sebanyak ENAM (6) TERAS STRATEGIK diperkenalkan iaitu:

- | | |
|---------|---|
| TERAS 1 | Memperkasakan Tadbir Urus Dan Membangunkan Kapasiti Organisasi
Bagi Meningkatkan Kecekapan Perkhidmatan Insolvensi |
| TERAS 2 | Merekayaskan Pentadbiran Insolvensi Secara Berterusan Bagi Menjamin Pengurusan Kes Yang Cekap Dan Berkesan |
| TERAS 3 | Memantapkan Pentadbiran Dan Pengurusan Hal Ehwal Insolvensi Dengan Efisien Dan Profesional |
| TERAS 4 | Meningkatkan Pematuhan Perundangan Dan Pentadbiran Insolvensi Melalui Penguatkuasaan Yang Aktif |
| TERAS 5 | Mengoptimumkan Penggunaan ICT Dalam Memudahcara Perkhidmatan Insolvensi |

TERAS 6 Meningkatkan Imej Organisasi Melalui Jalinan Kerjasama Strategik

Bagi mengekalkan tema strategik KEGEMILANGAN PERKHIDMATAN dengan slogan '*INSOLVENCY MADE EASY*' MdI juga telah memperkenalkan AIKIP iaitu Lima (5) Nilai Teras bagi mempastikan matlamat Teras Strategik dicapai. Lima (5) Nilai Teras adalah AKAUNTABILITI, INTEGRITI, KERJA BERPASUKAN, INOVATIF dan PROFESIONAL.

Pada tahun 2016, beberapa program utama yang berteraskan kepada Pelan Strategik MdI 2016-2020 telah dilaksanakan. Antaranya pembangunan Portal E-Insolvensi dan pengajuran HARI BERSAMA MdI serentak di seluruh Negara.

Dengan wujudnya Portal e-Insolvensi urusan pelanggan dengan MdI dipermudahkan dimana para pelanggan boleh berurusan dengan MdI secara maya. Melalui portal ini juga bayaran bagi carian e-insolvensi boleh dibuat dengan melayari aplikasi *JomPAY*.


Pengajuran HARI BERSAMA MdI secara serentak di seluruh Negara buat julung-julung kalinya telah berjaya menghimpunkan warga MdI, pelanggan-pelanggan dan juga *stakeholders* di seluruh Malaysia. Hasilnya MdI telah berjaya menjalinkan kerjasama strategik dengan empat (4) NGO dan tiga (3) syarikat pelikuidasi luar. Jalinan kerjasama strategik ini dikenali sebagai RAKAN MdI. Jalinan kerjasama ini penting untuk meningkatkan lagi imej MdI.

Secara ringkasnya, perlaksanaan teras-teras strategik di bawah Pelan Strategik MdI 2016-2020 yang dimulakan pada tahun ini diyakini dapat memacu komitmen pengurusan dan warga MdI ke arah mencapai matlamat untuk menjadi sebuah agensi terulung dan bertaraf dunia dalam pengurusan insolvensi menjelang 2020.

1. MEMPERKUKUHKAN PENTADBIRAN HAL EHWAL INSOLVENSI MELALUI PENTADBIRAN KES PENGGULUNGAN SYARIKAT YANG EFEKTIF


1.1. Petisyen Yang Mendapat Perintah Mahkamah Dan Ditarik Balik

Pada tahun 2016 Mdl telah menerima sebanyak 1,958 petisyen penggulungan syarikat secara terpaksa. Daripada jumlah tersebut sebanyak 1,405 petisyen telah perintah mahkamah manakala 553 petisyen telah ditarik balik atau dibatalkan.



1.2. Penggulungan Syarikat secara terpaksa dan sukarela


Pada tahun 2016, kes penggulungan syarikat secara terpaksa adalah sebanyak 1,405 kes manakala penggulungan syarikat secara sukarela adalah sebanyak 1,349 kes .



Gambar rajah 2: Peratus Jumlah Kes Penggulungan Syarikat Secara Terpaksa Dan Sukarela

1.3. Syarikat Yang Digulungkan Mengikut Sektor

Daripada jumlah 1,405 syarikat digulungkan, sektor perdagangan, borong dan runcit mencatatkan jumlah kes penggulungan yang tertinggi iaitu sebanyak 800 diikuti dengan sektor pembinaan sebanyak 222 .



Gambar rajah 3: Sektor Perniagaan Syarikat Yang Digulungkan Bagi Tahun 2016

1.4. Prestasi Pertubuhan & Kesatuan Sekerja Yang Telah Dibatalkan Pendaftarannya

Pada tahun 2016 sebanyak 6,733 kes pertubuhan dikendalikan oleh Mdl manakala bagi kesatuan sekerja sebanyak 13 kes dikendalikan oleh Mdl.

CAWANGAN	PERTUBUHAN	KESATUAN
IPOH	651	0
KUALA LUMPUR	1292	9
KELANTAN	212	0
TAIPING	44	0
TEMERLOH	0	0
TERENGGANU	106	0
MUAR	41	0
KUCHING	97	0
MIRI	41	0
JOHOR BAHRU	338	0
SIBU	1	2
SANDAKAN	2	0
KUANTAN	80	0
KEDAH	535	0
TAWAU	0	0
KOTA KINABALU	43	0
N.SEMBILAN	984	0

MELAKA	498	0
SELANGOR	1508	2
PERLIS	25	0
PULAU PINANG	235	0
JUMLAH	6,733	13

Gambar rajah 4: Kes Pertubuhan dan Kesatuan Sekerja Mengikut Cawangan Bagi Tahun 2016

1.5. Pengisytiharan Dividen

Aktiviti teras Mdl bermula daripada peringkat penzahiran harta, penghasilan harta, penentuan jumlah hutang dan pengisytiharan dividen kepada pemutang. Bilangan dan jumlah pembayaran dividen bagi tahun 2016 seperti jadual di bawah.

LIKUIDASI	2016
Bilangan Pembayaran Dividen	555
Jumlah Pengagihan Dividen (RM)	82,893,925.25

Gambar rajah 5: Bilangan Dan Pembayaran Dividen Bagi Tahun 2016

1.6. Bilangan Penyata Hal Ehwal (PHE) Difailkan

Dalam kes penggulungan syarikat secara terpaksa, pemfailan Penyata Hal Ehwal merupakan proses permulaan di mana pengarah syarikat bagi syarikat yang digulungkan perlu memfaillkan kepada Pegawai Penerima (PP) untuk mengisyiharkan aset dan liabiliti syarikat. Bagi tahun 2016, Mdl telah menerima sebanyak 582 pemfailan Penyata Hal Ehwal

CAWANGAN	BILANGAN PHE
IPOH	29
KUALA LUMPUR	249
KELANTAN	22
TAIPEING	2
TEMERLOH	0
TERENGGANU	10
MUAR	8
KUCHING	12
MIRI	1
JOHOR BAHRU	38
SIBU	1
SANDAKAN	3
KUANTAN	26
KEDAH	11
TAWAU	3
KOTA KINABALU	11
N.SEMBILAN	0
MELAKA	3
SELANGOR	75
PERLIS	0
PULAU PINANG	78

Gambar rajah 6: Bilangan Pemfailan PHE Mengikut Cawangan Bagi Tahun 2016

1.7. Pelepasan Pegawai Penerima Sebagai Pelikuidasi Dan Pembubaran Syarikat di bawah Sek. 239 Akta Syarikat 1965

Sebanyak 410 kes telah mendapat Pelepasan Pegawai Penerima pada tahun 2016

CAWANGAN	BIL
IPOH	14
KUALA LUMPUR	21
KELANTAN	2
TAIPING	1
TEMERLOH	5
TERENGGANU	3
MUAR	12
KUCHING	8
MIRI	18
JOHOR BAHRU	190
SIBU	0
SANDAKAN	2
KUANTAN	31
KEDAH	7
TAWAU	1
KOTA KINABALU	19
N.SEMBILAN	0
MELAKA	6
SELANGOR	29
PERLIS	1
PULAU PINANG	40
JUMLAH	410

Gambar rajah 7: Jumlah Pelepasan Pegawai Penerima sebagai Pelikuidasi dan Pembubaran Syarikat pada tahun 2016

1.8. Prestasi Pertubuhan & Kesatuan Sekerja Yang Telah Dibatalkan Pendaftarannya

Mdl juga mengendalikan kes pertubuhan dan kesatuan sekerja yang telah dibatalkan pendaftarannya. Pada tahun 2016 sebanyak 2,387 kes pertubuhan dikendalikan manakala terdapat enam (6) kes dikendalikan bagi kesatuan sekerja.


CAWANGAN	PERTUBUHAN	KESATUAN
IPOH	174	0
KUALA LUMPUR	582	0
KELANTAN	92	0
TAIPING	84	0
TEMERLOH	0	0
TERENGGANU	200	1
MUAR	179	0
KUCHING	92	2
MIRI	57	0
JOHOR BAHRU	63	0
SIBU	21	1
SANDAKAN	2	0
KUANTAN	107	1
KEDAH	176	0
TAWAU	0	0
KOTA KINABALU	26	0
N.SEMBILAN	0	0
MELAKA	18	0
SELANGOR	370	2
PERLIS	19	0
PULAU PINANG	184	0
JUMLAH	2387	6

